

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SELAKU tulang belakang kerajaan, warga Perkhidmatan Awam berperanan besar untuk memperkemas dan memperlicin urus tadbir negara. Salah satu faktor ke arah itu ialah dengan mengukuhkan kepimpinan. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, kepimpinan adalah sangat penting, di samping kemahiran."
- Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-22, Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"ORANG yang mampu hendaklah memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya maka dia hendaklah memberi nafkah daripada apa yang dikurniakan Allah kepadanya (sekadar kemampuannya). Allah tidak membebani seseorang melainkan sekadar yang dikurniakan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah at-Thalaq : 7.

Waktu Sembahyang

IMSAK 4.37 SUBUH 4.47 SYURUK 6.05 DUHA 6.28 ZUHUR 12.06 ASAR 3.24 MAGHRIB 6.05 ISYAK 7.15

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 126

20 OKTOBER 2018 / 1440 صفر 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berangkat hadiri Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12



12th ASEM SUMMIT

18-19 October 2018 | Brussels, Belgium | #ASEM12

Siaran Akhbar :

Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Radio Televisyen Brunei, Hos Foto Sidang Kemuncak ASEM Ke-12

BRUSSELS, BELGIUM, Khamis, 18 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12 dan Majlis Santap Malam Gala Sempena Sidang Kemuncak tersebut.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Presiden Majlis Eropah selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12, Tuan Yang Terutama Donald Tusk (kiri) dan Presiden Suruhanjaya Eropah, Tuan Yang Terutama Jean-Claude Juncker (kanan) sejurus berangkat tiba di Bangunan Europa. - Foto : - Hos Foto Sidang Kemuncak ASEM Ke-12.

Utamakan kesalinghubungan ekonomi

BRUSSELS, BELGIUM, Jumaat, 19 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12 yang berlangsung di Europa Building, Brussels. Berangkat mengiringi Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12 ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Sesi Plenari ini dimulakan dengan sembah alu-aluan daripada Pengerusi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12, Presiden Majlis Eropah, Tuan Yang Terutama Donald Tusk. Pada sesi ini, Kebawah DYMM

berkenan mengurniakan titah yang mengetengahkan risiko-risiko geografik, perubahan demografi dan persepsi yang berubah sebagai cabaran-cabaran yang mengancam momentum positif pertumbuhan dan ketahanan ekonomi global. Titah baginda, peranan yang dimainkan oleh perdagangan dan pelaburan antarabangsa adalah penting, dan orang ramai hendaklah diyakinkan tentang manfaat integrasi ekonomi. Dalam mempromosikan ini, pasaran mesti terbuka, proteksionisme ditentang, dan menurut sistem perdagangan multilateral yang berasaskan peraturan yang termaktub di dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia.

Ke muka 4

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hos Foto Sidang Kemuncak ASEM Ke-12



Muka 11

Lebih 400 pelajar IBTE diraikan



Muka 13

PESTA Kerjaya UBD 2018 tawarkan 200 peluang pekerjaan

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Kepimpinan, urus tadbir lurus, organisasi jadi kukuh

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Selamat petang dan salam sejahtera

MARILAH kita memanjatkan puji dan syukur yang seikhlas-ikhlasnya ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan berkat rahmat, taufik dan hidayah-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari yang berbahagia ini di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1440, Kementerian Pembangunan yang juga diselenggarakan dengan Majlis Doa Kesyukuruan Sempena Kepulauan Jemaah-Jemaah Haji Bagi Warga Kementerian Pembangunan Dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Bagi Tahun 2018 Masihi.

Hari ini kita telah memasuki Tahun Baharu Hijrah 1440. Maka marilah kita gunakan kesempatan ini menoleh sejenak ke belakang. Membuat penilaian dengan sejujurnya sejauhmana kita telah dapat melaksanakan tanggungjawab kita dan amal bakti kita untuk agama, bangsa dan negara.

Menyingskap kembali sejarah peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat. Hijrah Rasulullah ini bukan semata-mata hanya proses perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain, tapi ianya adalah satu konsep perubahan sesebuah masyarakat atau organisasi untuk perpindahan dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik.

Perancangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk menubuhkan kerajaan Islamiah telah ada sebelum proses hijrah berlaku, dengan membentuk carta organisasi yang terdiri dari beberapa orang sahabat yang cukup berpengalaman dalam pengurusan.

Oleh itu, peristiwa hijrah Rasulullah ini juga ada kaitannya dengan sifat kepemimpinan dan urus tadbir yang lurus bagi membawa sesebuah organisasi kepada satu perpaduan yang kukuh dengan menyusun strategi dan perancangan yang teliti dengan penuh muafakat dan bersepadu.

Perkara ini ada kaitannya dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bersempena Menyambut Awal Tahun Hijrah 1440 di mana baginda menekankan supaya pemimpin-pemimpin mengikut gaya kepemimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat yang mana sifat kepemimpinan mereka ini telah mengajak umat untuk mentauhidkan Allah sambil membawa semua yang dipimpin bersatu padu menghindari perpecahan.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Datu Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1440 Kementerian Pembangunan Dan Diselenggarakan Dengan Doa Kesyukuruan Kepulauan Jemaah Haji Warga Kementerian Pembangunan Dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Bagi Tahun 2018 pada Sabtu, 5 Muharam 1440 Hijrah bersamaan 15 September 2018 Masihi di Bilik Betabur, Kementerian Pembangunan.

Bagi kita di Kementerian Pembangunan, pemimpin-pemimpin yang telah dipilih hendaklah mampu untuk melakukan perubahan bagi mencapai satu keadaan yang lebih baik dan cemerlang dari sebelumnya.

Dalam hubungan ini, pelbagai usaha telah dan sedang kita laksanakan bagi meningkatkan pencapaian Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya kepada yang lebih cemerlang. Salah satunya ialah penghasilan Buku Kerangka Dasar (Policy Framework) dan Buku Pelan Strategik (Strategic Plan) Kementerian Pembangunan 2018-2023.

Penerbitan Buku Kerangka Dasar dan Pelan Strategik ini adalah menandakan

"SAYA ingin menyeru kepada semua warga Kementerian Pembangunan untuk menghayati konsep hijrah bagi sama-sama berganding bahu dalam kita memastikan usaha-usaha memelihara kebersihan alam sekitar demi meningkatkan imej negara ke arah bersih daripada sampah sarap, bebas daripada pencemaran bahan-bahan plastik, untuk meraih kualiti hidup dan masa hadapan yang lebih baik."

satu lagi mercu tanda penting bagi Kementerian Pembangunan untuk bergerak maju ke arah hala tuju yang sama untuk mencapai visi Kementerian Pembangunan dalam semangat satu pasukan, bersatu padu dan membawa kita lebih dekat lagi kepada mencapai sasaran Wawasan Brunei 2035.

Kesemua ini memerlukan hala tuju dasar yang lebih jelas serta pendekatan-pendekatan baharu yang lebih terancang dan holistik di mana Pelan Strategik 2018-2023 mengandungi blueprint ataupun garis panduan aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang akan dilaksanakan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi dalam tempoh lima tahun ini.

Saya menyeru supaya setiap jabatan dan divisyen akan dapat memberikan kerjasama padu bagi menyokong strategi di bawah Framework dan Strategic Plan berkenaan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin menyeru kepada semua warga Kementerian Pembangunan untuk menghayati konsep hijrah bagi sama-sama berganding bahu dalam kita memastikan usaha-usaha memelihara kebersihan alam sekitar demi meningkatkan imej negara ke arah bersih daripada sampah sarap, bebas daripada pencemaran bahan-bahan plastik, untuk meraih kualiti hidup dan masa hadapan yang lebih baik.

Sudah setentunya, untuk meraih penghidupan dan masa depan yang lebih baik itu memerlukan kita melakukan penghidupan. Menuntut pembaharuan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat kembali ke tanah air kepada para jemaah haji Kementerian Pembangunan. Alhamdulillah kerana telah dapat melaksanakan Rukun Islam yang kelima. Semoga Allah menganugerahkan haji yang mabrur, usaha yang disyukuri dan dosa yang diampuni *Aamiin, aamiin ya ra'abbal alamin*.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menganjurkan majlis ini, khususnya Jabatan Perancang Bandar dan Desa serta seluruh warga kerja yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menganjurkan majlis yang bermanfaat ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang membalasnya.

Akhirnya, dengan mengambil kesempatan ini saya mengucapkan selamat Tahun Baharu 1440 Hijrah. Semoga tahun ini lebih baik buat kita semua.

Sekian.
Wabillahir Taufik Walhidayah
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi
Wabarkatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

20 OKTOBER 2018 BERSAMAAN 1440 11 صفر

**BERI SOKONGAN MORAL,
TAMBAH KEYAKINAN,
KURANGKAN TEKANAN**

MUSIM peperiksaan sudah tiba dan di saat-saat seperti ini ibu bapa dan penjaga yang paling gelisah jika dibandingkan dengan anak masing-masing. Ibu bapa dan penjaga setentunya gelisah memikirkan jika anak mereka mampu menjawab soalan-soalan, apakah persediaan sudah mencukupi, apakah anak-anak akan berjaya. Soalan-soalan ini akan setentunya bermain-main di benak fikiran mereka.

Namun apa yang penting pada masa ini ialah sokongan moral, menambah keyakinan dan kurangkan tekanan yang dihadapi oleh anak-anak. Di samping itu, dalam kegelisahan kerana anak-anak hendak menghadapi peperiksaan, perlu juga diingat bahawa anak-anak juga gelisah dan kluatir akan nasib mereka. Kluatir jika mereka tidak berjaya apakah yang akan terjadi kepada mereka, apakah kedua ibu bapa akan marah dan hampa serta lain-lain.

Justeru ibu bapa perlu memberikan sokongan moral, tambah keyakinan dan kurangkan tekanan mereka. Beri nasihat, kata-kata motivasi dan dorongan kepada mereka untuk berusaha namun diselitikan nasihat bahawa jika tidak mencapai keputusan yang diinginkan untuk tidak perlu kecewa kerana sudahpun berusaha sedaya upaya.

Apa yang perlu diterapkan dalam minda dan hati ialah sifat bersyukur walau apapun keputusan yang akan diterima.

Dalam musim peperiksaan ini, selain sibuk mentelaah dan mengulang kaji mata pelajaran, kesihatan juga perlu dijaga dan sebolehnya pada tahap maksima. Walau sesibuk manapun, pastikan anak-anak makan tepat pada masanya, dan makanan yang disajikan adalah sihat dan berkhasiat.

Di samping itu, tidur juga perlu mencukupi. Jika tidur tidak mencukupi, badan akan menjadi lemah yang akan setentunya memberi impak kepada tahap konsentrasi anak-anak.

Pada malam sebelum peperiksaan, pastikan juga semua keperluan seperti alat tulis cukup dan lengkap. Pastikan juga anak-anak bangun awal agar dapat sampai ke sekolah dengan tenang dan minda bersedia untuk ujian yang bakal dihadapi.

Jangan juga lupa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk dipermudahkan dan dilancarkan serta diberikan ketenangan apabila hendak menjawab soalan peperiksaan nanti.

Jika dilihat dalam dua atau tiga minggu kebelakangan ini, beberapa Majlis Sembahyang Sunat Hajat diadakan oleh pihak sekolah khusus untuk para pelajar yang hendak menghadapi peperiksaan. Ini setentunya akan memberi keyakinan kepada mereka untuk menghadapi peperiksaan dan berusaha sedaya upaya untuk meraih kejayaan.

Dengan berbekalkan doa dan restu dari semua, setentunya tiada lain yang hendak dihasratkan selain kejayaan. Namun jika keputusan yang dicapai bukan seperti yang dikehendaki, jangan berputus asa, malahan perlu tanamkan semangat dalam diri untuk memperbaiki diri lagi. Semoga beroleh kejayaan jua, Amin... - **Ketua Penyuntingan (Ss).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 26 °C
PEKAN BANGAR 32 25 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C
PEKAN TUTONG 32 25 °C	PEKAN TUTONG 32 25 °C	PEKAN TUTONG 32 26 °C
KUALA BELAIT 32 25 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C	KUALA BELAIT 32 26 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi OKTOBER	HARI	Hijrah SAFAR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	SABTU	11	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
21	AHAD	12	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
22	ISNIN	13	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
23	SELASA	14	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
24	RABU	15	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
25	KHAMIS	16	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14
26	JUMAAT	17	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN
KECEMASAN** 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat hadir Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Europa dijunjung oleh Presiden Majlis Eropah selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12, Tuan Yang Terutama Donald Tusk. Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12.

Dari muka 1

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12 dan Majlis Santap Malam Gala ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Sejurus keberangkatan tiba di Bangunan Europa, Kebawah DYMM dialu-alukan secara rasmi oleh Presiden Majlis Eropah selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12, Tuan Yang Terutama Donald Tusk

dan Presiden Suruhanjaya Eropah, Tuan Yang Terutama Jean-Claude Juncker dan seterusnya mengadakan sesi bergambar. Baginda mula-mula berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12. Majlis Pembukaan Rasmi Sidang tersebut dimulakan dengan Ucapan Pembukaan daripada Presiden Majlis Eropah selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12, TYT

Donald Tusk dan diikuti dengan ucapan-ucapan daripada Presiden Republik Mongolia, Tuan Yang Terutama Khaltmaagiin Battulga yang merupakan hos bagi Sidang Kemuncak ASEM Ke-11 pada tahun 2016 dan Canselor Persekutuan Austria, Tuan Yang Terutama Sebastian Kurz. Selepas Majlis Pembukaan Rasmi, baginda seterusnya berkenan berangkat bersama para Pemimpin dan Ketua-ketua

Delegasi yang lain ke Majlis Santap Malam Gala bagi meraikan para Pemimpin serta Ketua-ketua Delegasi yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEM Ke-12. Pada Majlis Santap Malam Gala yang diadakan di Grand Narthex Hall, Musées Royaux d'Art et d'Histoire, para Pemimpin dan Ketua-ketua Delegasi telah menyaksikan persembahan musik instrumental.



KEBAWAH DYMM bersama paduka anakanda, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat tiba ke Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat menyertai sesi bergambar ramai bersama para Pemimpin dan Ketua-ketua Delegasi yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEM Ke-12.

Utamakan kesalinghubungan ekonomi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Sesi Plenari Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12.

Dari muka 1

Kebawah DYMM seterusnya bertitah bahawa ini dapat disokong melalui rangka kerja pelbagai hala yang kukuh. Sehubungan itu, baginda menarik perhatian kepada usaha ASEAN ke arah memuktamadkan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau, dan juga

meneruskan perbincangan mengenai kemungkinan untuk mengadakan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-EU.

Baginda bertitah menyatakan bahawa kedayatahan ekonomi adalah bergantung kepada keupayaannya untuk menyesuaikan diri dengan teknologi digital bagi menembusi

pasaran baharu dan berdagang merentasi sempadan, penyertaan dalam rangkaian nilai global untuk meningkatkan produktiviti dan peluang, dan mendokong inisiatif kerajaan bagi memudahcara pertumbuhan perniagaan (*ease of doing business*).

Mengutamakan kesalinghubungan ekonomi dalam agenda ASEM tegas baginda, amatlah mustahak untuk lebih meningkatkan daya saing dan kemakmuran.

Walau bagaimanapun, kemajuan teknologi hasil daripada Revolusi Perindustrian Keempat berpotensi untuk mengganggu pasaran buruh, yang memerlukan latihan semula dan menanamkan nilai pembelajaran sepanjang hayat bagi memastikan keusahawanan yang berjaya dan memberikan jaminan pekerjaan.

Kebawah DYMM seterusnya menyatakan bahawa banyak yang perlu dipelajari antara satu sama lain ke arah membangunkan ekosistem keusahawanan yang lebih inklusif, melalui perkongsian pengalaman terbaik antara para penggubal dasar, perniagaan dan komuniti.

Dalam hal ini, baginda mengalu-alukan usaha ASEM Pathfinder Group on Connectivity yang akan menyumbang ke arah merapatkan

jurang pembangunan antara ahli-ahli, dan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Selesai Sesi Plenari tersebut, Kebawah DYMM seterusnya berkenan mengadakan sesi bergambar ramai bersama para Pemimpin dan Ketua-ketua Delegasi yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berangkat menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12 di Europa Building, Brussels.



KEBAWAH DYMM berbual mesra bersama Presiden Majlis Eropah selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEM Ke-12, Tuan Yang Terutama Donald Tusk semasa sesi bergambar ramai (kiri). Sementara gambar tengah, baginda berangkat bersama para Pemimpin dan Ketua-ketua Delegasi yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEM Ke-12 bagi sesi bergambar ramai. Manakala gambar kanan, berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah DYMM berangkat meninggalkan Brussels, Belgium



Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BRUSSELS, BELGIUM, Jumaat, 19 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Brussels, Belgium setelah menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12 yang telah berlangsung pada 18 hingga 19 Oktober 2018.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman Kebawah DYMM, Doa Selamat dibacakan

MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika membacakan Doa Selamat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman (atas). Sementara gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Negara Brunei Darussalam ke Belgium dan Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Kesatuan Eropah, Tuan Yang Terutama Abu Sufian bin Haji Ali serta pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ke Belgium dan Perwakilan Kesatuan Eropah.



Kebawah DYMM dan PM Republik Estonia bincang hal ehwal antarabangsa



BRUSSELS, BELGIUM, Khamis, 18 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Perdana Menteri Republik Estonia, Tuan Yang Terutama Juri Ratas yang berlangsung di Wiltcher's Steigenberger Hotel, Brussels.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa perjumpaan tersebut, Kebawah DYMM dan Tuan

Yang Terutama Perdana Menteri Republik Estonia telah berbincang mengenai hal ehwal antarabangsa yang memberi tumpuan kepada bidang keselamatan dan peluang ekonomi, serta kerjasama dalam bidang e-kerajaan dan keselamatan siber.

Menyertai rombongan TYT Perdana Menteri Republik Estonia ialah Duta Besar, Wakil kepada Political and Security Committee (PSC), Perwakilan Tetap Estonia ke Kesatuan Eropah, Tuan Yang Terutama Rein Tammsaar.

Hadir sama semasa perjumpaan dua hala tersebut ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Belgium dan Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Kesatuan Eropah, Tuan Yang Terutama Abu Sufian bin Haji Ali.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan hotel persemayaman Kebawah DYMM, Doa Selamat dibacakan.

Kunjungan muhibah eratkan hubungan NBD - Belgium



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengadakan kunjungan muhibah kepada His Majesty King Philippe Léopold Louis Marie, King of Belgium di Royal Palace of Brussels.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BRUSSELS, BELGIUM, Khamis, 18 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengadakan kunjungan muhibah kepada His Majesty King Philippe Léopold Louis Marie, King of Belgium di Royal Palace of Brussels.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada kunjungan muhibah tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di Royal Palace of Brussels dialu-alukan oleh His Majesty King of Belgium.

Baginda kemudian berangkat bersama-sama His Majesty King of Belgium bagi sesi bergambar diikuti dengan perjumpaan kunjungan muhibah.



Selepas kunjungan muhibah tersebut, baginda berangkat meninggalkan Royal Palace of Brussels.

Menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah His Majesty King Philippe Léopold Louis Marie, King of Belgium.

Perjumpaan baginda bersama His Majesty The King of Belgium itu menandakan hubungan baik dan erat antara Negara Brunei Darussalam dan Belgium.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia beramah mesra bersama His Majesty King Philippe Léopold Louis Marie, King of Belgium. Berangkat mengiringi Kebawah DYMM pada kunjungan muhibah tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat tiba di Brussels, Belgium



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda selamat berangkat tiba di hotel persemayaman baginda di Brussels, Belgium bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12 (kanan), sementara gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah sejeurus berangkat tiba di hotel persemayaman baginda.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Md. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BRUSSELS, BELGIUM, Rabu, 17 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini selamat berangkat tiba di Brussels, Belgium bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12 yang akan berlangsung mulai 18 hingga 19 Oktober

2018.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Brussels dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Belgium dan Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Kesatuan Eropah, Tuan Yang Terutama Abu Sufian bin Haji Ali.

Sidang Kemuncak ASEM Ke-12 pada tahun ini akan memfokuskan perbincangan selaras dengan tema 'Eropah dan Asia: Rakan Kongsi Global

untuk Cabaran Global'. Tema ini dihasrat akan dapat meningkatkan dan mengukuhkan lagi dialog dan kerjasama dalam pelbagai bidang di antara kedua-dua benua, ke arah sama-sama menangani cabaran global. Sidang Kemuncak yang mengumpulkan lebih daripada 50 buah negara Eropah dan Asia ini juga akan dipengerusikan oleh Presiden Majlis Eropah, Tuan Yang Terutama Donald Tusk.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah sejeurus berangkat tiba di hotel persemayaman bagi menghadiri ASEM Ke-12 pada 18 hingga 19 Oktober 2018 (kiri). Sementara gambar kanan baginda dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai dan kakitangan negara sejeurus berangkat tiba di hotel persemayaman baginda.

Berangkat ke Belgium bagi ASEM Ke-12



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat meninggalkan negara ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asia- Eropah Ke-12 (ASEM).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid,
Dk. Vivy Melissa Pg. Haji Ibrahim
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Brussels, Belgium bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-12 yang akan diadakan pada 18 hingga 19 Oktober 2018.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal

Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sidang kemuncak yang diadakan dua tahun sekali ini bertujuan untuk merapatkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua rantau dalam pelbagai bidang.

Agenda ASEM kali ini bertemakan 'Eropah dan Asia: Rakan Kongsi Global untuk Cabaran Global'.

Para pemimpin akan berusaha untuk memperkuat lagi dialog dan kerjasama antara



KEBAWAH DYMM ketika berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat ke Brussels, Belgium.

kedua-dua rantau di pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pembangunan mampan dan iklim, cabaran keselamatan seperti keganasan, keselamatan siber dan penghijrahan yang tidak teratur.

Kedua-dua benua Asia dan Eropah membina hubungan yang

rapat dan lebih baik berdasarkan kepada pengalaman negara-negara ahli, dalam berkongsi maklumat dan sentiasa bertukar-tukar pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa, termasuk cabaran global masa ini.



BERANGKAT ke Hangar Penerbangan Kebawah DYMM di Rimba ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (kiri). Manakala gambar kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

JPMC meterai MoU pemindahan hati, buah pinggang



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC menyaksikan penyerahan dokumen sejurus Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPMC dengan Yashoda Healthcare Services Private Limited.

JERUDONG, Jumaat, 19 Oktober. - Adalah sentiasa menjadi visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam bukan sekadar

mandiri dalam penjagaan kesihatan yang tinggi, tetapi juga untuk menjadikan negara sebagai pusat pelancongan perubatan di bahagian dunia ini.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC semasa berucap pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU), yang berlangsung di Pusat Perubatan, Jerudong Park.

"Pemindahan hati dan buah pinggang dilakukan di sebilangan kecil negara-negara di seluruh dunia. Pasukan Yashoda membawa pengalaman dan kepakaran yang besar dalam bidang pemindahan. Pasukan ini bekerja dengan prinsip kecekapan, empati dan kemampuan," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, dengan adanya Perjanjian Persefahaman ini, ia telah meletakkan asas untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai pusat kecemerlangan dalam pemindahan organ pepejal.

Majlis diteruskan dengan Menandatangani MoU di antara JPMC dengan Yashoda Healthcare

Services Private Limited.

Menandatangani memorandum bagi pihak JPMC, Ahli Lembaga Pengarahnya Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin sementara Yashoda Healthcare Services Private Limited ditandatangani oleh Naib Presiden Eksekutif, Dr. Chandraskar Ramamoorthy.

Pusat Perubatan Jerudong Park dengan bangganya mengumumkan permulaan perkongsian bersejarah dengan Yashoda Healthcare Services Private Limited, Hyderabad, India.

Negara Brunei Darussalam adalah sebagai destinasi penjagaan kesihatan yang paling ditunggu

untuk perubatan dan pembedahan yang tinggi.

MoU di antara kedua-dua hospital ini melambangkan perkongsian di peringkat kedua antara Negara Brunei Darussalam dan India, untuk berkolaborasi dalam bidang pemindahan hati dan ginjal dan juga pembedahan hepatobiliari dan gastrousus.

Kemuncak penjagaan kesihatan di dunia hari ini adalah pemindahan organ pepejal dan inilah sebabnya mengapa pemindahan hati dan buah pinggang adalah domain pilihan kerjasama antara JPMC dan Yashoda Healthcare Services Private Limited.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Zul-Izzi Duraman Haji Duraman

BIBD dinobatkan Bank Terbaik 2018 di Asia Pasifik

Siran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Berhad

BALI, REPUBLIK INDONESIA, Jumaat, 19 Oktober. - BIBD telah diisytiharkan sebagai sebuah bank yang terbaik di Asia-Pasifik (2018) bagi mewakili Negara Brunei Darussalam dengan penerbitan kewangan terkemuka, iaitu Kewangan Global dan juga merupakan sebahagian daripada Anugerah Terbaik Tahunan Ke-25 bagi bank berkenaan.

Anugerah tersebut diserahkan pada Majlis Anugerah sempena Mesyuarat Tahunan IMF di Bali.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua), Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BIBD ketika mengulas mengenai anugerah tersebut baru-baru ini, melahirkan rasa syukur serta menghargai pencapaian serta anugerah yang telah diberikan hasil sokongan dan kepercayaan rakyat secara berterusan kepada BIBD.

Pencapaian ini tambah Yang Berhormat, mempamerkan keupayaan institusi Brunei dan rakyatnya ke peringkat serantau, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 untuk menjadi sebuah negara yang diakui sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang diiktiraf secara meluas hasil dari pencapaian rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi mengikut piawaian antarabangsa.

"InsyaaAllah, kami akan meneruskan kejayaan ini dan memperkukuhkan lagi kedudukan kami sebagai salah satu bank terbaik di rantau ini yang mencerminkan kemajuan Brunei sebagai destinasi pelaburan dan FDI yang berdaya maju. Pada masa yang sama, kami akan meningkatkan fokus dalam mempromosikan kemasukan kewangan dan kesedaran dalam negara," tambah Yang Berhormat.

Sementara itu, Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar turut melahirkan rasa syukur atas pencapaian tersebut yang mengiktiraf sokongan cemerlang kerajaan, dedikasi pihak berkepentingan serta pengawal selia BIBD di samping kepercayaan dari para pelanggan BIBD untuk terus membina pakatan sebagai rakan kongsi Brunei.

"Bersama-sama, apabila kita menyumbang ke arah ekonomi secara kerjasama, mampan dan progresif, InsyaaAllah, BIBD akan terus menyokong masa depan dinamik Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya," ujarnya.

Manakala, Pengarah Penerbitan dan Penyunting Kewangan Global, Joseph D. Giarraputo, dalam siaran akhbar menyifatkan bahawa pemenang adalah pemimpin bertaraf dunia, bertindak balas dengan baik untuk mengalihkan angin politik, teknologi baharu dan mengubah keadaan pasaran.

Di samping anugerah penerbitan Kewangan Global baru-baru ini, BIBD juga menerima pujian sebagai 'Aplikasi Perbankan Mudah Alih Terbaik' dan 'Bank Digital Terbaik di Brunei - 2017' oleh Kewangan Dunia di samping sebagai 'Bank Runcit Terbaik' di Negara Brunei Darussalam oleh The Asian Banker untuk tahun keenam berturut-turut.



ANTARA anugerah-anugerah diterima BIBD yang dinobatkan Bank Terbaik 2018 di Asia Pasifik.

Komited tangani jenayah dadah transnasional



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohamed (tengah) menghadiri Majlis Perasmian Mesyuarat Menteri ASEAN Ke-6 mengenai Hal Ehwal Dadah yang telah diadakan pada 18 Oktober 2018 di Hanoi, Viet Nam.

Siran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

HANOI, VIET NAM, Jumaat, 19 Oktober. - Negara anggota ASEAN digesa untuk terus mengukuhkan dan meningkatkan kerjasama serantau dan luar wilayah dengan rakan dialog dan pihak luar dalam pelaksanaan rancangan dan inisiatif serantau.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Keselamatan Awam, Viet Nam, Tuan Yang Terutama, Leftenan Jeneral Mr. To Lam pada Majlis Perasmian Mesyuarat Menteri ASEAN Ke-6 mengenai Hal Ehwal Dadah yang telah diadakan pada 18 Oktober 2018 di Hanoi, Viet Nam.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohamed, Pemangku Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Haji Mohd. Jaffari bin Haji Mahadi dan para pegawai kanan

dari JPM dan BKN.

Dalam ucapannya, Timbalan Menteri di JPM menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) mengamalkan pendekatan kerajaan dan *whole of nation* dalam penggubalan dasar dadah di mana pendekatan toleransi sifarnya untuk negara bebas dadah telah menghasilkan keputusan yang menggalakkan dan akan terus berusaha untuk memastikan NBD mencapai matlamat tersebut.

Beliau juga menekankan bahawa NBD komited sepenuhnya dalam kerjasama meningkatkan usaha bersama serantau dan di luar rantau dalam menangani jenayah dadah transnasional seperti negara-negara anggota ASEAN yang lain.

Selaras dengan perjalanan ASEAN ke arah "Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti", beliau menegaskan bahawa

penting bagi ASEAN untuk mengukuhkan semula sifat politik yang bersatu dan saling melengkapi dari ketiga-tiga dokumen politik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Deklarasi Politik 2009 mengenai Kerjasama Antarabangsa terhadap Strategi Bersepadu dan Seimbang untuk Mengatasi Masalah Dadah Sedunia, Penyata Bersama Menteri 2014 dan Dokumen Hasil UNGASS 2016 bagi menolak sebarang percubaan yang dilakukan oleh sesetengah negara yang berusaha untuk meremehkan atau menghalalkan penggunaan ubat-ubatan terkawal serta keperluan menyedari bahawa tidak ada dasar dadah *one-size-fits-all* dan menghormati hak kedaulatan setiap negara untuk membuat keputusan dan melaksanakan dasar berteraskan politik, ekonomi, sosial dan budaya serta norma masyarakat yang paling sesuai untuk keadaan ubat domestik kita.

Pada mesyuarat berkenaan, satu Kenyataan Pengerusi juga telah diadaptasi yang mana menekankan hasil daripada mesyuarat tersebut.

YSHHB hulur sumbangan BND50,000 ke TKBS



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober. - Berikutan kejadian gempa bumi berukuran 7.7 skala Richter di Sulawesi, Indonesia yang mencetuskan Tsunami pada 28 September lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah perkenan bagi Penubuhan Tabung

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Ahli Lembaga Pengarah YSHHB selaku Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan YSHHB (kiri) menyerahkan sumbangan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Penasihat Bersama TKBS.

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) selama tempoh tiga bulan.

Sehubungan itu, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) menghulurkan sumbangan kewangan berjumlah BND50,000 ke TKBS sebagai keprihatinan terhadap mangsa dan bagi menyokong penubuhan tabung berkenaan.

Majlis penyampaian sumbangan tersebut berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul

Mokti bin Haji Mohd. Daud, Ahli Lembaga Pengarah YSHHB selaku Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan YSHHB kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Penasihat Bersama TKBS.

TKBS ditubuhkan bagi membolehkan orang ramai dan pelbagai pihak untuk menyumbangkan derma bagi meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh para mangsa Gempa Bumi dan Tsunami di Sulawesi.

Zahirkan rasa cinta, kebanggaan sepenuhnya pada negara



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (dua, kanan) menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Ketua Kontinjen NBD bagi SSEAYP Ke-45, 2018, Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit (kiri). Sementara gambar kanan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato (kanan) menyerahkan tiket penerbangan kepada Ketua Kontinjen negara bagi SSEAYP Ke-45, 2018.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober. - Para peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-45, 2018 mempunyai amanah sebagai duta kecil untuk menzahirkan rasa cinta dan kebanggaan dengan sepenuhnya pada negara semasa berada di sepanjang program itu nanti.

Oleh itu, nilai-nilai keBruneian kita yang unik dan indah hendaklah dihayati dan dipraktikkan pada setiap masa.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Kontinjen NBD bagi SSEAYP Ke-45, 2018, bertempat di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkhiah, di sini.

Para peserta ujarnya, hendaklah

membuktikan bahawa mereka adalah wakil NBD yang benar-benar cemerlang, yang mempunyai intelek bertaraf tinggi, berakhlak mulia, saling hormat-menghormati sesama peserta antarabangsa dan pada masa yang sama mengekalkan nilai-nilai keagamaan, adat dan kebudayaan kita dengan berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja kerana negara amat menaruh harapan besar bagi mereka untuk sentiasa menjaga tatasusila dan nama baik negara lebih-lebih lagi semasa singgah dan berada di negara lain. Yang Berhormat seterusnya menekankan tiga perkara penting kepada para peserta SSEAYP, iaitu pertama, mereka hendaklah membina jalinan persahabatan yang berkekalan dan bermakna ataupun *networking* dan *connections* sesama peserta dari pelbagai bangsa dan negara.

Para peserta juga tekannya, harus menggunakan peluang

keemasan ini untuk mempelajari daripada satu sama lain, bertukar-tukar fikiran dan pandangan dengan matlamat demi membina keperibadian berkaliber tinggi.

Ketiga tambahnya, apa yang paling penting, para peserta juga perlu menyerlahkan adat resam mereka dan mengongsikan keindahannya, di samping mempromosikan dan mengenalkan negara kita dengan penuh kebanggaan bersama peserta lain, yang mana adalah selaras dengan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan belia yang cemerlang, jadikanlah pengalaman dan pembelajaran yang amat bernilai ini untuk kebaikan negara setelah pulang nanti.

"Kepada para peserta, kami berharap biskita untuk menyertai keluarga Alumni SSEAYP untuk menyumbangkan minda dan khidmat belia, khususnya kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, gunakanlah platform ini untuk

bersatu padu untuk menyumbang khidmat bakti secara bermakna," ujarnya lagi.

Terdahulu dalam ucapan selamat jalan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato antara lain berkata, negara Jepun menganjurkan program tersebut untuk para belia di negara-negara ASEAN agar mereka dapat membangunkan hubungan yang bermakna di antara satu sama lain bersama para belia Jepun.

Pada majlis tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato menyerahkan tiket penerbangan kepada Ketua Kontinjen negara bagi SSEAYP Ke-45, 2018, Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan Bendera NBD yang disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Ketua Kontinjen negara bagi SSEAYP Ke-45, 2018.

SSEAYP merupakan program pertukaran belia antarabangsa, khusus bagi negara-negara ASEAN dan Jepun, sejak 1974

dengan tujuan bagi melahirkan kesefahaman dan kerjasama antarabangsa dalam kalangan para belia ASEAN juga Jepun, di samping mempelajari adat budaya, politik dan pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara.

Pada tahun ini, NBD akan menghantar seramai 28 belia dan seorang Ketua Kontinjen bagi program tersebut, yang mana merupakan penyertaan negara kali Ke-33 sejak penyertaan rasmi negara pada tahun 1985.

Program tahun ini akan bermula pada 23 Oktober hingga 13 Disember 2018, iaitu selama 52 hari, mengumpulkan 330 belia dari 11 buah negara dengan menggunakan Kapal Nippon Maru dan akan singgah ke beberapa buah negara yang dipilih, iaitu NBD, Manila (Filipina), Bangkok (Thailand), Ho Chi Minh (Viet Nam) dan akan berakhir di Tokyo, Jepun.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil bersama wakil-wakil daripada Kedutaan Jepun di NBD.

Sumbangan belia penting capai Wawasan Brunei 2035

2035, iaitu rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kualiti kehidupan rakyat dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad semasa menyampaikan Ucaptama pada Forum dan Seminar bertajuk Global Skills : Opportunity for a Brighter Future yang berlangsung di Dewan Kuliah Utama, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Yang Berhormat seterusnya menyeru para belia di negara ini untuk bertindak dan menjadi sebahagian daripada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Wawasan Brunei

2035.

Tambahnya, para belia mestilah berfikir, membuat perancangan dan melaksanakan program-program, projek-projek atau inisiatif-inisiatif yang boleh menggabungkan kedua-dua matlamat berkenaan dan dengan kebolehan para belia sebagai pembuat perubahan positif akan memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya.

Menurutnya lagi, para belia haruslah menanamkan niat dalam diri mereka untuk bekerja, yang akan memberi manfaat kepada keluarga, negara dan masyarakat.

Acara kemudian diteruskan dengan Sesi Forum yang disampaikan oleh empat ahli panel dari Darussalam Enterprise (DARE); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum (BSP) Sendirian Berhad dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Para panel antara lain membincangkan bagaimana para graduan dapat meningkatkan daya kerja pekerjaan dengan memperoleh kemahiran global yang relevan dan mencari peluang ekonomi melalui trend dan unjuran dalam sektor industri ekonomi tempatan.

Seramai 150 pelajar daripada institusi pengajian tinggi menghadiri Forum dan Seminar anjuran Politeknik Brunei (PB) melalui Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif tersebut, termasuk pelajar-pelajar dari PB, UBD, Universiti Islam Sultan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad semasa menyampaikan Ucaptama pada Forum dan Seminar bertajuk Global Skills : Opportunity for a Brighter Future.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Oktober. - Golongan belia merupakan aset kepada pertumbuhan sebuah negara dan sumbangan mereka adalah penting untuk mencapai Wawasan Brunei



ANTARA yang hadir pada forum tersebut.

Lebih 400 pelajar IBTE diraikan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (kiri) hadir selaku tetamu majlis dan seterusnya menyampaikan sijil kepada Peserta Khatam Lelaki.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

KIARONG, Khamis, 18 Oktober. - Lebih kurang 400 pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini sempena majlis konvokesyen institut berkenaan pada 25 Oktober nanti.

Hadir selaku tetamu majlis dan seterusnya menyampaikan sijil kepada peserta khatam lelaki ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Manakala Timbalan Ketua

Pegawai Eksekutif (Akademik) IBTE, Dayang Hajah Mariah binti Haji Abdul Manaf menyampaikan sijil kepada peserta perempuan.

Hadir sama, Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli; Timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif; pengarah-pengarah bahagian; ketua-ketua sekolah; pegawai-pegawai kanan IBTE dan para ibu bapa pelajar.

Majlis Khatam bertujuan untuk mendukung konsep negara Melayu Islam Beraja dan bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir.

ia juga bertujuan bagi membudayakan amalan membaca dan memartabatkan Al-Quran dalam kalangan warga IBTE.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diketuai oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad, dipimpin oleh pelajar IBTE Kampus Bisnes, Awang Md. Nur Faiz Fikri bin Noor Asmali.

Sementara itu, Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh pelajar IBTE Kampus Agro Teknologi, Awang Muhammad Shah Reduan bin Mohd. Haidi, diikuti dengan Doa Selamat dibacakan oleh pelajar IBTE Kampus Bisnes, Awang Muhammad Hazim bin Sulaiman.

Majlis adalah julung kali diadakan secara keseluruhan bagi semua kampus di bawah kawalan IBTE melibatkan 152 peserta khatam lelaki dan 252 peserta khatam perempuan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Institut Pengajian Teknikal Brunei (IBTE), Laksamana College of Business, International Graduate Studies College (IGS), Cosmopolitan College of Commerce and Technology dan Micronet International College.

Forum tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menegenahkan trend, isu ekonomi, pekerjaan dalam sektor dan industri ekonomi tempatan juga global, di samping untuk mengenal pasti kemahiran global yang diperlukan untuk meningkatkan pengambilan kerja dan kebolehpasaran (marketability) para graduan juga menyebarkan maklumat tentang perkembangan kemahiran yang

diperlukan untuk menjadi kompetitif dalam pasaran kerja semasa.

Satu daripada Program Strategik Utama Rancangan Pembangunan Lima Tahun PB 2015 - 2020 (5YDP 2015 - 2020) adalah untuk mempromosikan pendidikan global.

PB mengiktiraf kepentingan dalam menyediakan pendidikan yang memberi penekanan kepada kemahiran global, nilai universal yang positif, memupuk toleransi dan pemahaman juga menggalakkan perhubungan antarabangsa yang saling menguntungkan.

Juga hadir ialah Pengarah PB, Awang Denis Ho Mun Tai; Timbalan Pengarah PB, Awang Alias bin Haji Abu Bakar; ketua-ketua jabatan dan sekolah-sekolah PB.

Lawatan pengenalan Pemerintah TDDDB ke Republik Indonesia

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

REPUBLIK INDONESIA, Khamis, 18 Oktober. - Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed bin Awang Haji Lampoh mengadakan lawatan pengenalan ke Republik Indonesia bermula dari 9 hingga 12 Oktober 2018 lalu.

Ketibaan Pemerintah TDDDB di Markas Besar Tentera Nasional Indonesia Angkatan Darat (TNI AD) dialu-alukan oleh Kepala Staf TNI AD, Yang Terhormat Jeneral TNI Mulyono yang seterusnya memeriksa Kawalan Kehormatan terdiri daripada Anggota TNI AD.


Pemerintah TDDDB kemudiannya membuat kunjungan hormat kepada Yang Terhormat Jeneral TNI Mulyono.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak mengesahkan hubungan dua hala yang lama terjalin di antara kedua-dua angkatan tentera, yang mana diperkuatkan melalui pelbagai aktiviti seperti ekksesais, latihan dan kursus.

Interaksi-interaksi tersebut meningkatkan profesionalisme dan persahabatan di antara anggota dari kedua-dua angkatan tentera.

Sebahagian program beliau, Pemerintah TDDDB juga berpeluang membuat lawatan ke PT Pindad, sebuah syarikat yang mengeluarkan produk-produk keupayaan tentera bagi TNI.

Lawatan pengenalan berkenaan bertujuan mengukuhkan talian persahabatan di antara TDDDB dan TNI AD juga sebagai sebahagian hubungan diplomatik di antara angkatan tentera kedua-dua negara.



PEMERINTAH Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed bin Awang Haji Lampoh (kiri) membuat kunjungan hormat kepada Kepala Staf, Tentera Nasional Indonesia Angkatan Darat (TNI AD), Yang Terhormat Jeneral TNI Mulyono.

Tinjau perkembangan perkhidmatan TelBru



AHLI-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika meninjau aktiviti pembelajaran yang diadakan di TelBru Training Centre.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober. - Untuk melihat lebih dekat perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penyedia telekomunikasi tempatan, seramai 12 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengadakan lawatan kerja ke Telekom Brunei Berhad (TelBru).

Lawatan kerja tersebut memberikan peluang kepada Ahli-ahli MMN untuk mengetahui lebih dekat mengenai isu-isu berhubung kait dengan pembekalan perkhidmatan telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam sebagai persediaan bagi Sesi Muzakarah Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dengan Kementerian Perhubungan pada hujung bulan November nanti.

Program lawatan dimulakan di Pusat Pembelajaran TelBru (TLC), Berakas di mana Ahli-ahli MMN

berpeluang melihat taklimat *Fibre-to-the-Home* (FTTH) dan Pameran Metro-E serta Fixed Wireless Connectivity.

Pada masa ini, rangkaian FTTH telah meliputi kira-kira 86,000 buah rumah dan perniagaan dan daripada jumlah tersebut kira-kira 32,000 sudah melanggan perkhidmatan rangkaian *Highspeed Broadband* (HSBB).

Rombongan meneruskan lawatan ke TelHouse, Sumbiling di ibu negara untuk meninjau lebih dekat Network Operation Centre (NOC) dan Pusat Panggilan TelBru.

NOC merupakan gabungan dari beberapa jaringan yang bertanggungjawab terhadap komunikasi terus menerus dalam jaringan, manakala Pusat Panggilan TelBru ialah *focal point* untuk pelanggan membuat pertanyaan, aduan, maklum balas dan beberapa perkhidmatan lain.

TKBS terima sumbangan kewangan dari PERMAI



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Tahir (tiga, kanan) selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan derma sejumlah BND1,500 daripada Persatuan Masyarakat Indonesia (PERMAI) bagi TKBS.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) selaku Urus Setia Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan derma sejumlah BND1,500 daripada Persatuan Masyarakat Indonesia (PERMAI) bagi tabung berkenaan di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Yang Di-Pertua PERMAI, Muhd. Hanafi Rustam kepada Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Tahir selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Kebangsaan TKBS.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan tersebut ialah Pegawai-pegawai Kanan JAPEM.

Dalam pada itu, derma boleh dihantar secara *online* melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), akaun nombor 00-001-01-0076007 atau dihantar terus kepada pihak Urus Setia TKBS di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, JAPEM, Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan pada waktu pejabat.

Sumbangan juga boleh dihantar melalui perkhidmatan SMS dengan menaip BANTU (tanpa jarak) diikuti dengan jumlah 1, 5, 10, 15 atau 20 dan hantar ke talian 38111 bagi pelanggan DST dan pelanggan PCSB. Perkhidmatan SMS ini akan berakhir pada 22

November 2018.

Orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan derma berbentuk kewangan boleh berbuat demikian melalui tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid dan surau-sarau, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menyediakan peti tabung bagi mengadakan kutipan amal, boleh mendapatkan pelekat khas daripada pihak Urus Setia TKBS pada waktu pejabat.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, boleh menghubungi pihak Urus Setia TKBS melalui talian +673 2381903 sambungan 1341 / 1242 atau e-mel ke pr.japem@gmail.com.

Tempoh kutipan derma TKBS bermula 9 Oktober 2018 hingga 6 Januari 2019, iaitu selama tiga bulan.

PPDB terima lawatan peserta Kursus AP ABDB

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober. - Seramai 61 pegawai yang sedang mengikuti Kursus Pegawai Staf Rendah di Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Ibu Pejabat Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) semalam.

Rombongan pelawat terdiri daripada Ketua Jabatan, Juruarah, peserta kursus dan penglibatan tujuh peserta kursus daripada luar negara.

Lawatan sambil belajar tersebut merupakan salah satu daripada modul yang diterapkan di dalam kursus berkenaan yang berkisar mengenai persediaan pasukan polis dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Semasa lawatan itu juga, para peserta kursus mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Ketua Unit Urusetia Pesuruhjaya Polis, Timbalan Penguasa Polis Hamidon bin Haji Ibrahim.

Di samping itu, sesi soal jawab juga dibukakan kepada para peserta bagi mendapatkan maklumat dan kefahaman yang lebih lanjut mengenai peranan Pasukan Polis dalam menghadapi wawasan tersebut.

Pada akhir program lawatan, para peserta kursus juga dibawa melawat ke Muzium PPDB.



PARA pegawai yang sedang mengikuti Kursus Pegawai Staf Rendah di Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) semasa melawat Muzium PPDB.

Persiapkan pelajar IPT untuk kerjaya baharu

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU, Khamis, 18 Oktober. - Dalam dua bulan kebelakangan ini, kita telah melihat kemasukan para graduan membanjiri pasaran buruh, dari institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di negara ini.

Menjelang akhir tahun ini, kita akan menyaksikan kira-kira 5,513 pelajar akan menamatkan pengajian dari institusi-institusi teknikal dan vokasional awam dan swasta termasuk kolej dan universiti di mana sebilangan besar graduan ini akan melanjutkan lagi pengajian mereka.

Melihat kepada perkara itu, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad percaya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Universiti Brunei Darussalam, perlu memikirkan bagaimana untuk mempersiapkan

pelajar mereka untuk kerjaya baharu yang diiringi oleh teknologi seperti robot, kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), pengkomputeran kuantum (*quantum computing*) dan 'Internet of Things'.

"Ketika kita mendekati revolusi perindustrian ke-4, sektor pekerjaan akan berubah, dan begitu juga universiti," jelas Dr. Haji Azman semasa berucap merasmikan Pesta Kerjaya UBD 2018 (UBD Career Fair 2018) berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini.

Beliau berharap Pesta Kerjaya itu berfungsi bukan hanya sebagai jalan bagi majikan untuk mewujudkan rangkaian profesional dengan calon graduan dan tenaga kerja yang berpotensi, tetapi pada masa yang sama, sebagai platform untuk para

akademik berinteraksi dengan industri mengenai kualiti dan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja semasa dan masa depan.

Terdahulu Dr. Haji Azman berkata, sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, kita bersyukur kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan penyediaan pendidikan.

Sistem pendidikan sedia ada ditambahnya menawarkan haluan lancar untuk pelajar melanjutkan pengajian tinggi dan ia dapat dilihat dari perkembangan institusi pengajian tinggi di negara ini dengan masing-masing mempunyai niche mereka.

Tambah Dr. Haji Azman lagi, ia juga jelas dilihat di institusi pengajian tinggi swasta, yang menawarkan pelbagai program dan menyediakan orang ramai dengan peluang yang lebih besar untuk melanjutkan pengajian mereka.

Penglibatan sektor swasta dalam acara seperti ini, menunjukkan sokongan yang kuat, serta komitmen dari pelbagai pihak berkepentingan dalam pembangunan sosio-ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Jelasnya, inisiatif yang dilaksanakan oleh UBD dalam menganjurkan Pameran Kerjaya setentunya akan memberi manfaat kepada pelajar, alumni dan masyarakat secara keseluruhan di mana beliau melihatnya sebagai satu cara untuk semua industri mempamerkan peluang pekerjaan dengan tahap kelayakan dan

pelbagai kemahiran serta aktiviti yang boleh membantu meningkatkan kebolehpasaran para pencari kerja.

"Saya juga ingin melihat institusi awam dan swasta termasuk UBD, bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Unit Perancangan dan Dasar Tenaga Kerja dan Job Centre Brunei dalam menyelaraskan pameran pekerjaan seperti ini, serta program pendekatan lain yang dapat menjamin pekerjaan kepada para graduan kami," jelas Dr. Haji Azman.

Pesta Kerjaya UBD 2018 tawarkan 200 peluang pekerjaan

TUNGKU, Khamis, 18 Oktober. - Mahasiswa dan mahasiswi serta lepasan graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) kini berpeluang membangun perjalanan karier mereka dan meraih pendedahan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang menyertai Pesta Kerjaya UBD 2018 (UBD Career Fair 2018) yang berlangsung mulai hari ini hingga 20 Oktober ini di Dewan Canselor, UBD.

Pesta Kerjaya tersebut yang dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula 9.00 pagi hingga 5.00 petang antara lain bertujuan untuk menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dan penempatan kerja bagi meningkatkan kebolehpasaran (*employability*) para mahasiswa

dan lepasan graduan dalam pasaran kerja yang kompetitif masa kini.

Perasmian Pesta Kerjaya UBD 2018 yang dianjurkan oleh Pusat Rangkaian, Pekerjaan dan Latihan (CoNECT) UBD itu dirasmikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Tahun ini menyaksikan lebih 40 peserta pameran, melebihi jumlah peserta pameran pada tahun lalu yang menawarkan sekitar 200 peluang pekerjaan perantisan dan penempatan untuk separuh masa dan sepenuh masa, termasuk *walk-in interviews* bagi para mahasiswa dan lepasan graduan.

Dengan penyertaan dari sektor awam dan swasta, para pelajar

pengajian tinggi dan mahasiswa akan dapat mengetahui pelbagai peluang pekerjaan dan penempatan kerja, meraih kesedaran yang tinggi mengenai sesuatu organisasi termasuk meningkatkan kemahiran rangkaian mereka.

Turut diadakan ialah tip semasa menghadiri temu bual dan senarai semak CV oleh CoNECT sebagai persediaan bagi *walk-in interviews* yang ditawarkan oleh beberapa peserta pameran semasa Pesta Kerjaya ini.

Sebelum Pesta Kerjaya tersebut, mahasiswa juga telah mendaftar bagi menyertai sesi taklimat dan bengkel yang menampilkan pemimpin perniagaan dan keusahawanan, yang antara lain memfokuskan terhadap



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad (kiri) menyaksikan salah sebuah pameran pada Pesta Kerjaya UBD 2018 (UBD Career Fair 2018).

pembangunan keperluan yang semakin meningkat dalam kerjaya masa kini.

CoNECT akan terus menggalakkan para mahasiswa UBD untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka melalui taklimat kerjaya, panduan kerjaya termasuk mengadakan acara-acara kerjasama bersama syarikat-syarikat.

Satu program baharu juga telah dilaksanakan iaitu 'Summer Work Experience Program (SWEP)' yang membolehkan para mahasiswa meraih pengalaman

baharu dengan berdamping bersama pegawai-pegawai dan kakitangan bagi memberi sumbangan ketara melalui peranan dalam sesebuah organisasi sekaligus dapat meningkatkan kemahiran, peluang dan rangkaian mereka sebelum menamatkan pengajian.

Untuk maklumat lanjut mengenai Pesta Kerjaya UBD 2018, hubungi pejabat CoNECT UBD melalui e-mel - office.conect@ubd.edu.bn atau melalui talian +673 2460922 sambungan 3737.



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad (dua, kanan) berinteraksi bersama pihak swasta yang menyertai Pesta Kerjaya UBD 2018 (UBD Career Fair 2018).



ANTARA yang mengambil bahagian pada UBD Career Fair 2018.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 38(A)
BILANGAN IKLAN 78/2018 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 20 OKTOBER 2018
TARIKH TUTUP: 10 NOVEMBER 2018

1. **TIMBALAN PENERUSA LEMBAGA BANDARAN KUMPULAN 2**
BAHAGIAN I
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KEKOSONGAN = SATU (01)

2. **PENOLONG PENGARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA KUMPULAN 2**
BAHAGIAN I
JABATAN ARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KEKOSONGAN = SATU (01)

Individual Pengambilan Swastika dan Intelligible Data Base Angeri.



MAKLUMAN PEMBATALAN IKLAN DI JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

BIL	JAWATAN	TANGGAGAJI	KEKOSONGAN	PERATURAN	TARIKH IKLAN
1	Pengurus Teknik Studio	B.2	1	38(a)	10.09.2018 – 01.10.2018

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan tersebut di atas adalah dibatalkan oleh sebab-sebab yang tertentu

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

BILANGAN TAWARAN :
MFA / ICT / 2018 / T1

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN ini adalah dibukakan untuk 'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, TRAINING, COMMISSIONING, INTEGRATION AND MAINTENANCE FOR MFA DATA CENTRE NETWORK CORE SWITCH'.

2. Borang tawaran yang lengkap mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan membubuh keterangan berikutnya :

BILANGAN TAWARAN : MFA / ICT / 2018 / T1
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, TRAINING, COMMISSIONING, INTEGRATION AND MAINTENANCE FOR MFA DATA CENTRE NETWORK CORE SWITCH'

dan tanpa menunjukkan sebarang nama atau tanda pengenalan syarikat dan ditujukan kepada :

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
JALAN SUBOK
BANDAR SERI BEGAWAN, BD2710
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran (*tender box*) yang disediakan di Tingkat Bawah, Bangunan Utama Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat Selasa, 6 November 2018, jam 2.00 Petang**. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan, tidak akan dilayan.

5. Bayaran menyertai tawaran ini adalah sebanyak **BND30.00** dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja di Jabatan ICT di Tingkat Bawah, Bangunan Utama Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan BD2710, Negara Brunei Darussalam.

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini di saran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran atau layari laman sesawang <http://www.mfa.gov.bn>



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Dulia Yang Maha Mulia Paduka seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II) Kategori KPB 12 dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam Kategori Perkhidmatan [E & P], iaitu P05, E01 dan E03.

- Manakala bagi kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran mekanikal atau bengkel mestilah mempunyai Lesen Pembekal [M], iaitu M01, M02 & M03 Kementerian Pembangunan atau Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

- dan kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran perkhidmatan dan pemeliharaan mestilah mempunyai Lesen Perkhidmatan [S], iaitu S01, S02 dan S03 Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan

dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran. 1
TERM CONTRACT FOR LANDSCAPE MAINTENANCE AND UPKEEPING WORKS TO BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM FOR A PERIOD OF SIX MONTHS

AME / 2018-2019 / SH-57

Tajuk Tawaran. 2
TO SUPPLY AND INSTALLATION NEW WHEEL RND AT BHS BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

AME / 2018-2019 / SH-58

Tajuk Tawaran. 3
TO SUPPLY AND REPAIRING FRICTION TESTER EQUIPMENTS AT DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION

AME / 2018-2019 / SH-59

Tajuk Tawaran. 4
TO REPLACEMENT TYRES FOR FIRE TRUCK BG 6060 (F2), DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION

AME / 2018-2019 / SH-60

Tajuk Tawaran. 5
KONTRAK BERMUSIM BAGI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BANGUNAN (CLEANING SERVICE) BANGUNAN-BANGUNAN DI BAWAH KAWALAN JABATAN PENERBANGAN AWAM BAGI TEMPOH 24 BULAN

(2 TAHUN)

AME / 2018-2019 / SH-61

Tajuk Tawaran. 6
KONTRAK BERMUSIM BAGI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BANGUNAN (CLEANING SERVICE) BANGUNAN BALAI BOMBA JABATAN PENERBANGAN AWAM BAGI TEMPOH 24 BULAN (2 TAHUN)

AME / 2018-2019 / SH-62

Tajuk Tawaran. 7
TERM CONTRACT FOR ONE (1) YEAR MAINTENANCE OF INTERNAL PIPING & ASSOCIATED WORKS, DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION

AME / 2018-2019 / SH-64

Tajuk Tawaran. 8
TERM CONTRACT FOR ONE (1) YEAR MAINTENANCE OF EXTERNAL PIPING & ASSOCIATED WORKS, DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION

AME / 2018-2019 / SH-65

Tajuk Tawaran. 9
TO SUPPLY AND DELIVER AUTOMATIC LIGHTINGS CONTROL SYSTEM SPARE MODULES AND ACCESSORIES, CIVIL AVIATION DEPARTMENT, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

AME / 2018-2019 / SH-66

Tarikh iklan / mengambil dokumen tawaran :
Bermula 10 Oktober 2018 (Rabu) selama dua (2) minggu

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran :

tidak lewat jam 2.00 Petang
23 Oktober 2018 (Selasa)

Tarikh tutup tawaran :
hingga jam 2.00 Petang
24 Oktober 2018 (Rabu)

Kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah, Bahagian Kewangan
Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.

3. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dihendaki memperoleh dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar yuran dokumen sebanyak BND10.00 (*hardcopy*) - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja.

4. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) seterusnya lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut :

Pada : **18 Oktober 2018 (Khamis)**
atau
20 Oktober 2018 (Sabtu)
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi atau
1.45 Petang hingga 3.00 Petang

Tempat berkumpul :
Dewan Serbaguna
Bangunan Kejuruteraan dan Pemeliharaan Aset (AME)
Jabatan Penerbangan Awam
Negara Brunei Darussalam.

5. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran atau melalui laman sesawang <http://www.civil-aviation.gov.bn>



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN MAKTAB / SEKOLAH / ASRAMA / PEJABAT / PERUMAHAN

BAHAGIAN DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH TIGA (3) BULAN (BAGI ZON 01 HINGGA ZON 14)

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 52 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 01

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH SERASA
Keluasan kawasan (Ekar) : 6.30
2. SEKOLAH RENDAH SUAS MUARA
Keluasan kawasan (Ekar) : 6.50
3. SEKOLAH MENENGAH PENGIRAN ISTERI HAJAH MARIAM
Keluasan kawasan (Ekar) : 7.50
4. FLAT KELAS 'F' SEKOLAH MENENGAH PENGIRAN ISTERI HAJAH MARIAM
Keluasan kawasan (Ekar) : 0.50
5. PUSAT TINGKATAN ENAM MERAGANG
Keluasan kawasan (Ekar) : 6.00
6. IBTE KAMPUS NAKHODA RAGAM
Keluasan kawasan (Ekar) : 12.50
7. ASRAMA LELAKI DAN PEREMPUAN IBTE KAMPUS NAKHODA RAGAM
Keluasan kawasan (Ekar) : 1.00

Jumlah Ekar : 40.30

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 53 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 02

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH KAPOK
Keluasan kawasan (ekar) : 8.30
2. SEKOLAH RENDAH TANAH JAMBU
Keluasan kawasan (ekar) : 4.00
3. SEKOLAH RENDAH HAJI MOHD. SALLEH, SUNGAI HANCHING
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00
4. SEKOLAH MENENGAH SULTAN SHARIF ALI
Keluasan kawasan (ekar) : 11.00
5. FLAT KELAS 'C' SEKOLAH MENENGAH SULTAN SHARIF ALI
Keluasan kawasan (ekar) : 0.50
6. FLAT KELAS 'F' SEKOLAH MENENGAH SULTAN SHARIF ALI
Keluasan kawasan (ekar) : 0.50

Jumlah ekar: 27.30

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 54 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 03

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH DELIMA SATU
Keluasan kawasan (ekar) : 4.00
2. FLAT KELAS 'F' BLOK 'A', 'B' DAN 'C' SEKOLAH RENDAH DELIMA SATU
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
3. IBTE KAMPUS SULTAN SAIFUL RIJAL
Keluasan kawasan (ekar) : 22.00
4. FLAT KELAS 'E' BLOK '10' DAN BLOK '11' IBTE KAMPUS SULTAN SAIFUL RIJAL
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
5. BAREK KELAS 'G' BLOK '8' DAN '9' IBTE KAMPUS SULTAN SAIFUL RIJAL
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
6. SEKOLAH MENENGAH BERAKAS
Keluasan kawasan (ekar) : 8.00
7. BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERMAKAMAN SEKOLAH DAN ASRAMA

- Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
8. SEKOLAH PENERBANGAN IBTE KAMPUS SULTAN SAIFUL RIJAL
Keluasan kawasan (ekar) : 5.00
 9. MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN
Keluasan kawasan (ekar) : 27.00
 10. ASRAMA PUTERI MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA
Keluasan kawasan (ekar) : 0.50
 11. FLAT KELAS 'C' BLOK '1' MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN
Keluasan kawasan (ekar) : 0.50
 12. FLAT KELAS 'F' BLOK '2' HINGGA '7' MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN
Keluasan kawasan (ekar) : 2.00

Jumlah ekar : 73.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 55 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 04

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH ANGGEREK DESA
Keluasan kawasan (ekar) : 4.00
2. FLAT KELAS 'F' BLOK 'A' DAN 'B' SEKOLAH RENDAH ANGGEREK DESA
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
3. SEKOLAH RENDAH PULAIE
Keluasan kawasan (ekar) : 5.00
4. SEKOLAH SUKAN, JALAN PULAIE
Keluasan kawasan (ekar) : 15.00
5. SEKOLAH MENENGAH PENGIRAN ANAK PUTERI HAJAH MASNA, SUNGAI AKAR
Keluasan kawasan (ekar) : 11.00
6. SEKOLAH RENDAH AMAR PAHLAWAN
Keluasan kawasan (ekar) : 5.00
7. IBU PEJABAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Keluasan kawasan (ekar) : 6.00
8. SEKOLAH MENENGAH MENGLAIT
Keluasan kawasan (ekar) : 5.00

Jumlah ekar : 52.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 56 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 05

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH SULTAN ABDUL BUBIN, SUNGAI BESAR
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00
2. SEKOLAH RENDAH MENTIRI
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00
3. SEKOLAH RENDAH DATO HAJI MOHD. YASSIN
Keluasan kawasan (ekar) : 8.00
4. SEKOLAH MENENGAH PEHIN DATO SERI MAHARAJA MENTIRI
Keluasan kawasan (ekar) : 8.00
5. SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00
6. SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA BESAR IMAS SUBOK
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00
7. SEKOLAH RENDAH NAKHODA ABDUL RASHID, MENUNGGOL
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00

Jumlah ekar: 31.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 57 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 06

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH JALAN 49, KAMPUNG PERPINDAHAN

- LAMBAK KANAN
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00
2. JABATAN PENDIDIKAN KO-KURIKULUM, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN
Keluasan kawasan (ekar) : 4.50
 3. SEKOLAH RENDAH DATO MARSAL, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN
Keluasan kawasan (ekar) : 4.00
 4. SEKOLAH RENDAH DATO BASIR, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN
Keluasan kawasan (ekar) : 5.00
 5. SEKOLAH RENDAH JALAN 10, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN
Keluasan kawasan (ekar) : 6.00
 6. SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA ABU BAKAR, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN
Keluasan kawasan (ekar) : 9.00
 7. SEKOLAH RENDAH DATO MAHAWANGSA LAMBAK
Keluasan kawasan (ekar) : 3.50
 8. FLAT KELAS 'F' SEKOLAH RENDAH DATO MAHAWANGSA LAMBAK
Keluasan kawasan (ekar) : 0.50
 9. SEKOLAH RENDAH DATO OTHMAN, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KIRI
Keluasan kawasan (ekar) : 4.50
 10. SEKOLAH MENENGAH LAMBAK KIRI, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KIRI
Keluasan kawasan (ekar) : 4.00

Jumlah ekar : 44.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 58 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 07

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH RIMBA I, KAMPUNG PERPINDAHAN RIMBA
Keluasan kawasan (ekar) : 3.50
2. SEKOLAH RENDAH RIMBA II, KAMPUNG PERPINDAHAN RIMBA
Keluasan kawasan (ekar) : 4.00
3. SEKOLAH RENDAH RIMBA III, KAMPUNG PERPINDAHAN RIMBA
Keluasan kawasan (ekar) : 3.50
4. SEKOLAH MENENGAH RIMBA I, KAMPUNG PERPINDAHAN RIMBA
Keluasan kawasan (ekar) : 10.00
5. SEKOLAH MENENGAH RIMBA II, KAMPUNG PERPINDAHAN RIMBA
Keluasan kawasan (ekar) : 10.00

Jumlah ekar : 31.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 59 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 08

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH TUNGKU, KAMPUNG TUNGKU
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00
2. SEKOLAH RENDAH KATOK 'A', STKRJ KATOK 'A' TUNGKU GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 4.00
3. IBTE KAMPUS MEKANIKAL
Keluasan kawasan (ekar) : 5.00
4. SEKOLAH RENDAH MATA-MATA, KAMPUNG MATA-MATA
Keluasan kawasan (ekar) : 4.50
5. SEKOLAH MENENGAH KATOK
Keluasan kawasan (ekar) : 8.00
6. SEKOLAH RENDAH KATOK 'B', STKRJ KATOK 'B' MATA-MATA GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 6.00
7. SEKOLAH RENDAH PENGIRAN PEKERMA SETIA DIRAJA SAHIBUL BANDAR, KAMPUNG PERPINDAHAN MATA-MATA, GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 4.00

Jumlah ekar: 34.50

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 60 / 2018 / 2019

[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 09

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH HAJI MOHD JAAFAR MAUN, KIULAP, KAMPUNG KIULAP
Keluasan kawasan (ekar) : 2.00
2. SEKOLAH RENDAH DATO RATNA HAJI MUHD. JAAFAR, KAMPUNG KIARONG
Keluasan kawasan (ekar) : 6.50
3. FLAT KELAS 'E' SEKOLAH RENDAH DATO RATNA HAJI MUHD JAAFAR, KAMPUNG KIARONG
Keluasan kawasan (ekar) : 0.50
4. FLAT KELAS 'C' BLOK 'C12' DAN 'C13' KAMPUNG KIARONG
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
5. FLAT KELAS 'E' BLOK 'A' DAN 'B' KAMPUNG BERIBI
Keluasan kawasan (ekar) : 2.00
6. FLAT KELAS 'E' BLOK 'EF18' HINGGA 'EF22' PERUMAHAN BERIBI
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00
7. FLAT KELAS 'E' BLOK 'EF25' HINGGA 'EF27' PERUMAHAN BERIBI
Keluasan kawasan (ekar) : 2.00

Jumlah ekar : 17.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 61 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 10

KETERANGAN :

1. MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 27.00
2. ASRAMA MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 2.00
3. FLAT KELAS 'C' BLOK 'C4' DAN 'C5' MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
4. BAREK KELAS 'G' BLOK 'A' DAN 'B' MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
5. SEAMEO VOCTECH
Keluasan kawasan (ekar) : 2.00
6. IBTE KAMPUS BISNES
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
7. UNIT PENDIDIKAN LANJUTAN
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
8. IBU PEJABAT IBTE
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
9. BANGLO 'C5' UNIT PENDIDIKAN KHAS, MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
10. BANGLO 'C7' UNIT PENDIDIKAN KHAS, MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
11. BANGLO 'C10' UNIT PEMELIHARAAN PADANG DAN KAWASAN, MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00

Jumlah ekar: 39.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 62 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 11

KETERANGAN :

1. SEKOLAH MENENGAH SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM [SMJA]
Keluasan kawasan (ekar) : 6.00
2. SEKOLAH RENDAH RAJA ISTERI FATIMAH
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00

Dari muka 15

3. MAKTAB SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIEN [SOAS]
Keluasan kawasan (ekar) : 8.00
4. SEKOLAH RENDAH PUSAR ULAK
Keluasan kawasan (ekar) : 2.00
5. BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, PUSAR ULAK
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00
6. TASEK APARTMENT, JALAN TASEK LAMA BLOK 'A' DAN BLOK 'B'
Keluasan kawasan (ekar) : 2.50
7. BLOK 'I' dan 'J' KONDOMINIUM, JALAN ONG SUM PING
Keluasan kawasan (ekar) : 2.00
8. SEKOLAH RENDAH MABOHAI
Keluasan kawasan (ekar) : 3.00
9. SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA ISTERI [STPRI]
Keluasan kawasan (ekar) : 4.00
10. FLAT KELAS 'F' BLOK '5' DAN '6' JALAN ONG SUM PING
Keluasan kawasan (ekar) : 1.00

Jumlah ekar : 30.50

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 63 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 12

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH BERIBI, TELANAI
Keluasan kawasan (ekar): 4.00
2. SEKOLAH RENDAH BENDAHAARA SAKAM BUNUT
Keluasan kawasan (ekar): 4.00
3. SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA SETIA BAKTI KILANAS, KAMPUNG KILANAS
Keluasan kawasan (ekar): 3.00
4. SEKOLAH RENDAH SENKURONG
Keluasan kawasan (ekar): 4.00

5. SEKOLAH RENDAH AWG. HAJI MOHD. YUSOF, KAMPUNG KATIMAHAR
Keluasan kawasan (ekar): 3.50
6. SEKOLAH RENDAH JERUDONG
Keluasan kawasan (ekar): 5.00
7. SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA HUSAIN
Keluasan kawasan (ekar): 9.50
8. FLAT KELAS 'C' SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA HUSAIN
Keluasan kawasan (ekar): 0.50
9. SEKOLAH RENDAH BENGKURONG
Keluasan kawasan (ekar): 4.50
- 10) FLAT KELAS 'E' SEKOLAH RENDAH BENGKURONG
Keluasan kawasan (ekar): 0.50

Jumlah ekar : 38.50

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 64 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 13

KETERANGAN :

1. SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA HASAN
Keluasan kawasan (ekar): 8.00
2. PUSAT TINGKATAN ENAM SENKURONG
Keluasan kawasan (ekar): 7.00
3. SEKOLAH RENDAH MULAUT
Keluasan kawasan (ekar): 1.00
4. SEKOLAH RENDAH MASIN
Keluasan kawasan (ekar): 4.00
5. SEKOLAH MENENGAH MASIN
Keluasan kawasan (ekar): 10.00
6. SEKOLAH RENDAH PENGKALAN BATU
Keluasan kawasan (ekar): 5.00
7. SEKOLAH RENDAH PANCHOR MURAI
Keluasan kawasan (ekar): 4.00
8. SEKOLAH RENDAH PANGLIMA BERUDIN, LIMA MANIS
Keluasan kawasan (ekar): 4.50

9. FLAT KELAS 'E' SEKOLAH RENDAH PANGLIMA BERUDIN, LIMA MANIS
Keluasan kawasan (ekar): 0.50

Jumlah ekar : 44.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 65 / 2018 / 2019
[UPPK-OKT-2018]

KOD : BM ZON 14

KETERANGAN :

1. SEKOLAH RENDAH BEBULOH
Keluasan kawasan (ekar): 3.00
2. IBTE KAMPUS AGRO-TEKNOLOGI
Keluasan kawasan (ekar): 47.00
3. ASRAMA IBTE KAMPUS AGRO-TEKNOLOGI
Keluasan kawasan (ekar): 1.00
4. SEKOLAH RENDAH JUNJUNGAN
Keluasan kawasan (ekar): 4.00
5. SEKOLAH RENDAH LUMAPAS
Keluasan kawasan (ekar): 4.00
6. SEKOLAH MENENGAH AWANG SEMAUN
Keluasan kawasan (ekar): 8.00
7. FLAT KELAS 'F' BLOK 'F1' DAN 'F2' SEKOLAH MENENGAH AWANG SEMAUN
Keluasan kawasan (ekar): 8.00
8. SEKOLAH RENDAH SUNGAI KEBUN
Keluasan kawasan (ekar): 2.00
9. SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA UMAR AL-KHATTAB, KAMPUNG LUMAPAS
Keluasan kawasan (ekar): 6.00
10. SEKOLAH RENDAH KASAT
Keluasan kawasan (ekar): 4.00
11. SEKOLAH RENDAH PUTAT
Keluasan kawasan (ekar): 3.00

Jumlah ekar : 83.00

BAYARAN YURAN DOKUMEN SEBUT HARGA :

BND5.00
(Bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
27 OKTOBER 2018, SABTU
(tidak lewat Jam 9.00 Pagi)

Hari dan Waktu Penerimaan Wang Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

Syarat-Syarat Iklan Sebut Harga

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh **Warga Tempatan**.

2. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang di terima adalah betul.

3. Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

4. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PROPOSE DESIGN AND CONSTRUCT NEW ROOFING SYSTEM TO MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, GADONG

1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu

8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 40 / 2018 / 2019
[JPPE-OKT-2018]

KETERANGAN :
TO PROPOSE DESIGN AND CONSTRUCT NEW ROOFING SYSTEM TO MAKTAB DULI PENGIRAN MUDAAL-MUHTADEE BILLAH, GADONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KELAS : IV DAN V SAHAJA
KATEGORI : B01 SAHAJA

BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN :
BND500.00

[Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
6 NOVEMBER 2018
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL / MEMBELI DOKUMEN TAWARAN :
31 OKTOBER 2018, SELASA

Hari dan Waktu Penerimaan Wang Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi

Syarat-Syarat Iklan Sebut Harga

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh **Warga Tempatan**.

2. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang di terima adalah betul.

3. Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

4. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN/BELIA DAN SUKAN

PENGIKLANAN DI PELITA BRUNEI JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM (SEBUT HARGA)

1. Kayak Laut (Sea Aleut) jenis fibreglass
Jumlah : 8 UNIT

Tarikh dan tempat melihat :
23 OKTOBER 2018 (RABU)
STOR SINARUBAI

Harga tawaran permulaan bagi satu unit :
BND200.00

Tarikh Tutup Tawaran :
25 Oktober 2018 (Khamis)
jam 2.00 Petang

SYARIKAT-syarikat swasta dan orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan borang jualan lelong secara Tawaran Awam (Sebut Harga) semasa waktu pejabat di tempat berikut :

Tingkat 1
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu (depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat Tawaran :

1. Barangan yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

2. Penender adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti keadaan barang yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran.

3. Penender yang berminat hendaklah mendapat borang tawaran dari Bahagian Pentadbiran dan Keewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

4. Borang Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam** dengan membubuh tajuk dan bilangan : "JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM, BILANGAN : (02) KKBS / OBBB / Q - 006 - 2018 (KAYAK AIR 'SEA ALEUT', OBBB)" dan memasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan. PETI TAWARAN (warna hijau).

5. Tarikh tutup tawaran adalah pada **KHAMIS, 25 Oktober 2018, JAM 2.00 PETANG**.

6. Setiap satu borang tawaran adalah hanya bagi SATU (1) barang latihan kegiatan air sahaja. Harga indikasi adalah harga tawaran permulaan.

7. Borang tawaran adalah dikenakan dengan harga BND5.00 (LIMA RINGGIT BRUNEI SAHAJA) setiap satu (tidak dikembalikan).

8. Penender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh masa TIGA (3) hari waktu bekerja selepas dimaklumkan / pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka barang berkenaan akan ditawarkan kepada penender yang lain.

9. Penender yang berjaya hendaklah MEMINDAHKAN barangan tersebut TIDAK LEWAT LIMA (5) hari selepas membuat pembayaran dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh masa tersebut.

10. Jika penender yang berjaya tetapi GAGAL MEMINDAHKAN barangan tersebut dalam tempoh LIMA (5) hari selepas membuat pembayaran, barangan berkenaan akan menjadi MILIK jabatan dan jabatan berhak untuk melolong semula barangan berkenaan. Wang yang telah dijelaskan TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.

Tingkatkan kualiti, keberkesanan perkhidmatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dapat memberikan nilai tambah serta mengubah minda dan cara berkerja lebih positif.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Taklimat dan Bengkel MIB diadakan di Dewan Setia Pahlawan, kementerian tersebut.

Jelas Awang Wardi lagi, bengkel itu akan menjadikan semua pegawai dan kakitangan di

kementerian tersebut lebih proaktif dan efisien dalam tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan di samping dapat memupuk serta meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan di tempat kerja masing-masing.

“Taklimat dan bengkel pada hari ini akan dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya selaras dengan usaha kita untuk mengukuhkan lagi semangat kecintaan kepada negara, bangsa dan agama dengan bersandarkan kepada falsafah negara MIB,” jelas beliau.

Seramai 40 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan

KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya menyertai bengkel berkenaan.

Bengkel tersebut antara lain bertujuan untuk memberikan pengetahuan, kefahaman, pengukuhan, penghayatan dan pengamalan tentang Konsep MIB dalam kalangan warga KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seramai empat penceramah diundang bagi menyampaikan taklimat dan bengkel tersebut yang terdiri daripada Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, yang menyampaikan tajuk Kewujudan dan Kesenambungan Negara Melayu Islam Beraja; Pensyarah Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Awang Zulhilmi bin Haji Jaidin dengan membawakan tajuk Konsep Melayu Islam Beraja; Penolong Profesor Akademi Pengajian Brunei, UBD, Pengiran Dr. Khairul Rijal bin Pengiran Haji Abdul Rahim, menyampaikan tajuk Jati Diri Orang Brunei; dan Pensyarah Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah,



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Taklimat dan Bengkel Melayu Islam Beraja (MIB).

UBD, Dr. Hajah Nur-Ashikin binti Pengiran Haji Petra dengan tajuk Melayu Islam Beraja dan Wawasan 2035.



ANTARA pegawai dan kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya menyertai Taklimat dan Bengkel MIB.

Dua pelajar Sekolah Ugama Penanjong johan Peraduan Syarahan Tafsir Al-Quran

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Oktober. - Dayang Jasmine Basyirah binti Haji Jefri dari Sekolah Ugama Penanjong, Tutong muncul johan bagi Peraduan Syarahan Tafsir Al-Quran bagi Sekolah-sekolah Ugama yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas.

Sementara itu, naib johan disandang oleh Dayang Affy Beatreasha binti Haji Jefri dari Sekolah Ugama Pelambayan, Brunei I dan Dayang Aleeya Maisarah binti Amizulfazri dari Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan, Jalan 77 di tempat ketiga.

Manakala johan bagi peserta lelaki juga diraih oleh pelajar dari Sekolah Ugama Penanjong, Tutong, Awang Nur Arief Zulfadhly bin Nor Hashim. Naib johan pula disandang oleh Awangku Mohammad Daniel Azwandy bin Pengiran Faisal dari Sekolah Ugama Pelambayan, Brunei I dan Awang Mohammad Aiman Nazwan bin Haji Roslani



PEMANGKU Penolong Pengarah (Profesional), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Norjarah binti Haji Luidin (kanan) menyampaikan hadiah kepada johan lelaki bagi Peraduan Syarahan Tafsir Al-Quran bagi Sekolah-sekolah Ugama, Awang Nur Arief Zulfadhly bin Nor Hashim.

dari Sekolah Ugama Katok A, Brunei III mendapat tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah pada peraduan tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah (Profesional), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Norjarah binti Haji Luidin.

Peraduan yang merupakan kegiatan tahunan JPI, KHEU sejak tahun 1964 itu bertujuan untuk mendidik, mengasuh dan mencungkil bakat-bakat pelajar supaya berani tampil berujah di khalayak ramai.

Selain itu, ia juga untuk memberi kesedaran dan keyakinan kepada para pelajar supaya lebih komited dalam menghayati ajaran Islam.

Empat pemandu dikenakan kompaun

Siaran Akhbar dan : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Oktober. - Empat pemandu kenderaan dikenakan kompaun atas kesalahan melanggar Akta dan Peraturan Lalulintas Jalan Raya semasa para Pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) menjalankan sekatan dan rondaan di Lebuhraya Berakas Muara pada 2 Oktober, sementara di Jalan Muara Serasa pada 6 Oktober dan di Lebuhraya Hassanal Bolkiah pada 9 Oktober lalu.

Awang Abdul Aziz bin Haji Taha dan Tan Siu Boon, kedua-duanya pemandu kenderaan persendirian, masing-masing dikenakan kompaun BND150 dan sembilan Mata Demerit SiKAP kerana kegagalan memakai tali pinggang keledar semasa memandu.

Tan Siu Boon juga dikompaun BND50 kerana memandu kenderaan yang tidak dalam keadaan baik, iaitu cermin besar di bahagian depan retak.

Sementara Baljinder Singh, pemandu dari Syarikat Ba'hasda didapati melakukan empat kesalahan, iaitu tidak membawa Sijil Kelayakan Kenderaan dan dikompaun BND200, memandu kenderaan yang tidak dalam keadaan baik dikompaun BND50, tidak memasang tanda arahan had laju dikompaun BND50 serta memandu kenderaan dengan tayar botak dan tidak selamat dikenakan kompaun BND50 dan enam Mata Demerit SiKAP.

Manakala Zakius Palatus, pemandu kenderaan dari Syarikat SQ Stone Sdn. Bhd. dikompaun sebanyak BND500 kerana

memandu kenderaan dengan lebih muatan, iaitu kesalahan kali keempat dan syarikat tersebut dikeluarkan notis penggantungan sementara Lesen Sewa dan Upah selama tiga bulan.

Sebagai tambahan, Zakius juga dikenakan kompaun BND100 dan tiga Mata Demerit SiKAP atas kesalahan membawa muatan dengan bahaya dan jatuh dari kenderaan yang boleh membahayakan pengguna jalan raya lain.

Sehubungan itu, JPD ingin mengingatkan kepada semua pemandu kenderaan sama ada persendirian atau syarikat komersil supaya akan dapat mematuhi Akta dan Peraturan Lalulintas Jalan Raya.

JPD akan terus melakukan rondaan dan operasi di jalan-jalan raya di negara ini dan tidak akan teragak-agak untuk mengeluarkan sebarang kompaun dan pemberian Mata Demerit SiKAP kepada mana-mana pemandu kenderaan persendirian dan komersil yang didapati tidak mematuhi Akta dan Peraturan Lalulintas Jalan raya ke arah memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kesejahteraan orang ramai, khususnya semua pengguna jalan raya adalah terjaga.

JPD juga mengalu-alukan orang ramai dalam sama-sama memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya di negara ini sentiasa terpelihara.

Sebarang aduan berhubung kesalahan lalu lintas boleh disalurkan melalui Talian Darussalam 123 atau Aplikasi WhatsApp Talian Darussalam +673 8333123.

Hindari dari berburuk sangka

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia serta di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang menganjurkan umatnya untuk sentiasa mengeratkan hubungan silaturahim dan hidup aman damai. Oleh kerana itu, kita dilarang daripada melakukan perkara yang boleh menjejaskan dan merosakkan hubungan baik sesama manusia seperti bertelingkah, bermusuhan, tuduh-menuduh, buruk sangka dan sebagainya.

Sesungguhnya buruk sangka ialah sentiasa berfikiran negatif atau tidak baik terhadap seseorang dan tidak menyelidiki perkara yang sebenarnya serta suka mencari-cari kesalahan orang lain. Ia adalah salah satu sifat buruk yang berada dalam hati manusia. Sifat ini berpunca daripada kelemahan iman, kurang penghayatan dan kefahaman agama.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al-Hujurat, ayat 21 :

Tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu berasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih."

Berdasarkan ayat Al-Quran tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala melarang hamba-hamba-Nya daripada sifat-sifat berburuk sangka terhadap keluarganya dan juga orang lain kerana sebahagian prasangka itu adalah perbuatan dosa. Ketahuilah, buruk sangka itu berpunca daripada perasaan iri hati atau hasad dengki terhadap seseorang. Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Ta'ala menjelaskan bahawa orang yang dengki itu tidak memperoleh sesuatu daripada masyarakat melainkan kecelakaan dan kehinaan. Ia tidak memperoleh sesuatu



daripada para malaikat melainkan laknat dan kebencian. Ia tidak memperoleh sesuatu daripada manusia melainkan kehampaan atau penyesalan dan akhirnya ia tidak memperoleh sesuatu di akhirat kelak melainkan rasa malu dan penyesaan.

Sesiapa yang mempunyai sifat buruk sangka dengan sesama Islam, maka ia wajib bertaubat dan beristighfar kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dosa orang yang buruk sangka itu adalah berdosa besar. Oleh itu, bagi mengelakkan buruk sangka, apabila kita menerima sesuatu berita sama ada melalui media masa, media baharu dan sebagainya, maka

kita hendaklah meneliti dan menyelidiki atau bertanya terlebih dahulu perkara tersebut sebelum membuat sebarang andaian apatah lagi andaian tersebut ternyata salah, perkara ini jika berlaku dan berleluasa ia boleh mendatangkan fitnah, memutuskan hubungan silaturahim, membawa pertelingkahan dan perpecahan kepada agama, bangsa, masyarakat dan negara. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Imam Al-Bukhari :

Maksudnya :

"Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Jauhilah oleh kamu prasangka, kerana sesungguhnya prasangka itu sedusta-dusta perkataan."

Untuk menjauhi diri daripada perasaan berburuk sangka maka kita dituntut untuk sentiasa membersihkan hati dengan bersangka baik terhadap sesuatu perkara kerana bersangka baik itu dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dapat mengelakkan dari permusuhan sesama manusia. Bersangka baiklah pada setiap perkara yang berlaku sama ada terhadap diri kita mahupun orang lain. Yakinlah bahawa setiap sesuatu yang terjadi itu pasti ada hikmahnya, kita hendaklah reda dengan ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala. Sheikh Abdul Kadir Al-Jailani mengingatkan kita untuk sentiasa bersangka baik sesama insan seperti :

- **Jika engkau bertemu dengan seseorang**, maka yakinlah bahawa dia lebih baik daripada dirimu. Ucapkanlah dalam hatimu : Mungkin kedudukannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala jauh lebih baik dan lebih tinggi daripada aku.

- **Jika bertemu anak kecil**, maka ucapkanlah dalam hatimu : Anak ini belum bermaksiat terhadap Allah Subhanahu

Wata'ala. Sedangkan diriku telah banyak bermaksiat kepada-Nya. Tentu anak ini jauh lebih baik daripada aku.

- **Jika bertemu orang tua**, maka ucapkanlah dalam hatimu : Dia beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala lebih lama daripada aku, tentu dia lebih baik daripada aku.

- **Jika bertemu dengan orang yang berilmu**, maka ucapkanlah dalam hatimu : Orang ini memperoleh dan mencapai kedudukan yang tidak akan pernah aku capai, dia mengetahui apa yang yang tidak aku ketahui dan dia mengamalkan ilmunya, tentu dia lebih baik daripada aku.

- **Jika bertemu dengan orang yang bodoh**, maka katakanlah dalam hatimu : Orang ini bermaksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dia bodoh dan tidak tahu, sedangkan aku bermaksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada hal aku mengetahui akibatnya. Aku tidak tahu bagaimana akhir umurku kelak. Dia tentu lebih baik daripada aku.

- **Jika bertemu dengan orang kafir**, maka katakanlah dalam hatimu : Aku tidak tahu bagaimana keadannya kelak, mungkin di akhir usianya dia memeluk Islam dan beramal soleh. Dan mungkin boleh jadi di akhir usia diriku kufur dan berbuat buruk.

Oleh yang demikian, buanglah sifat bersangka buruk daripada diri kita dengan kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar, salah satu caranya ialah dengan memperbanyakkan istighfar dan memohon taubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana manusia itu tidak pernah terlepas daripada melakukan dosa dan kesilapan.

Sebagai umat Islam yang inginkan keharmonian dan kebahagiaan dalam kehidupan, maka sewajarnya kita sentiasa bersifat baik sangka dan jauhilah daripada menyebarkan berita atau sesuatu perkara yang tidak diketahui akan kesahihannya kerana ia termasuk daripada sifat keji. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita sentiasa hidup rukun damai dan berbahagia di dunia dan di akhirat. Aamiin Yaa Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 6 :

Tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu orang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah untuk menentukan kebenarannya."

SESUNGGUHNYA buruk sangka ialah sentiasa berfikiran negatif atau tidak baik terhadap seseorang dan tidak menyelidiki perkara yang sebenarnya serta suka mencari-cari kesalahan orang lain. Ia adalah salah satu sifat buruk yang berada dalam hati manusia. Sifat ini berpunca daripada kelemahan iman, kurang penghayatan dan kefahaman agama.

Maktab SOAS serahkan sumbangan kepada SMARTER Brunei

Siaran Akhbar dan Foto : SMARTER Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Oktober. - Atas keprihatinan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS) juga dalam membantu menambah tabung kewangan Persatuan SMARTER Brunei, Maktab SOAS memberikan sumbangan sebanyak BND2,240.81 kepada persatuan tersebut.

Sumbangan merupakan hasil daripada kutipan Aktiviti SOASKU CERIA 2018 yang diadakan pada 1 - 2 September lalu.

Penyerahan sumbangan tersebut diserahkan oleh Pengetua Maktab SOAS, Awang Zamain bin Abdul kepada Presiden SMARTER Brunei, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman, berlangsung di SMARTER Brunei E.D.G.E Centre, Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.



PENGETUA Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zamain bin Abdul menyerahkan sumbangan sebanyak BND2,240.81 kepada Presiden SMARTER Brunei Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman.



Apa Pendapat Biskita?

Kesihatan aset penting dalam kehidupan kita

KESIHTAN merupakan aset yang penting dalam kehidupan seorang individu. Dalam Islam sendiri menjelaskan kesihatan merupakan aspek utama yang perlu dititikberatkan. Dengan menjaga kesihatan, seseorang individu dapat melakukan ibadah dengan baik dan sempurna.

Pepatah yang menyebut *you are what you eat* atau 'awda ialah apa yang awda makan' dapat dinilai bahawa penjagaan makan minum sangat penting untuk kesihatan manusia. Apabila seseorang individu itu mengetahui konsep penjagaan kesihatan, mereka akan dapat mengamalkan satu tabiat hidup yang telah diatur dengan baik.

Islam menyeru umatnya supaya memilih makanan yang mempunyai dua kriteria iaitu halal (*halalan*) dan baik (*toyyiba*) atau berkhasiat.

"Makanan kita mestilah daripada sumber yang halal, di samping berzat, berkhasiat dan baik yang sesuai dengan tubuh badan seseorang. Memang benar pendapat yang menyatakan bahawa sarapan pagi merupakan sajian yang terpenting dalam kehidupan seharian kita. Sarapan pagi memulakan pergerakan metabolisme dalam tubuh kita, dan menghasilkan tenaga yang cukup untuk mengelakkan kita daripada menjadi lembap sebelum menjelang tengah hari oleh itu jauhkan dari pengambilan yang terlalu berat di awal pagi hari seperti nasi lemak dan mee goreng. Sebaliknya, makanlah buah-buahan, yogurt dan bijirin. Awda akan merasai perubahan dari segi aras tenaga." - **Arif Delima.**

"Untuk menjaga kesihatan yang maksimal kita haruslah pastikan meminum air dengan banyak. Letakkan botol air di meja kerja atau bilik tidur kita supaya kita teringat untuk menghirup air dengan kerap. Hal ini memberi kesan baik bukan sahaja pada tubuh badan, malahan berguna untuk kecerdasan mental dan kulit." - **Prihatin kesihatan seharian lez Lambak.**

"Bagi saya dengan mengamalkan masa tidur yang sewajarnya setiap malam dan tetapkan jam biologi tidur kita mengikut ritma tertentu adalah penting untuk ketahanan tubuh badan. Apabila badan kita mula menyesuaikan diri dengan masa tersebut, kita dapat tidur dan bangun dengan lebih mudah. Tambahan, hal ini mengelakkan kita daripada terlebih tidur." - **Sham Villa Manggis.**

"Demi memastikan kesihatan diri dan keluarga terjamin salah satu langkah yang perlu kita beri perhatian untuk menjaga kesihatan adalah dengan menjaga kebersihan persekitaran tempat tinggal. Keadaan di dalam dan di luar rumah hendaklah bersih daripada sampah sarap dan tempat-tempat air bertakung. Perkara ini akan dapat menghapuskan tempat pembiakan agen-agen penyakit seperti lalat, tikus, nyamuk dan lain-lain.

"Selain itu, pemeriksaan kesihatan amat wajar dilakukan untuk memastikan kesihatan kita berada dalam keadaan baik dan kita juga perlu melakukan pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya dua kali setahun atau enam bulan sekali yang meliputi pemeriksaan tekanan darah, paras gula dalam darah, tahap kolesterol dan lain-lain lagi. Tujuan pemeriksaan dibuat untuk memastikan tahap kesihatan kita berada dalam keadaan sihat dan dapat mengesan penyakit kronik dengan lebih awal seperti penyakit darah tinggi, kencing manis dan sebagainya. Hal ini bertepatan dengan peribahasa, 'Mencegah lebih baik daripada mengubatinya'. Bagi pesakit yang telah diserang penyakit ini, keadaannya akan boleh dikawal sebelum menjadi serius seperti peribahasa, 'Cegah sebelum parah'. Pendek kata, kesihatan seseorang akan berada dalam keadaan baik jika kita secara berdisiplin menjalani pemeriksaan kesihatan diri di hospital-hospital secara berjadual." - **Khai / Cal RIPAS.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

i. Hargai mata awda

ii. Budaya melepak dan kesannya dalam kalangan remaja

PK bantu jana kehidupan aman, harmoni



PASUKAN Polis Diraja Brunei ketika membuat rondaan bagi memastikan keamanan kampung dan sekitarnya daripada berlakunya perkara-perkara jenayah yang tidak diingini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober. - Peranan dalam menjaga keselamatan terutama sekali kawasan kediaman adalah tanggungjawab yang perlu dipikul oleh semua pihak.

Oleh itu, rangkaian kerjasama dan keprihatinan sesebuah komuniti masyarakat seperti Pengawasan Kejiranan (PK) dilihat dapat membantu dalam menjana kehidupan yang aman lagi harmoni.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan mengendalikan Perjumpaan dan Rondaan bersama Ahli-ahli PK Kampung Belimbing pada 15 Oktober lalu.

Mengetuai rondaan tersebut, Pegawai Menguasa Balai Polis Pusat, Penolong Penguasa Polis Haji Mohammad Fadzil bin Haji Suhaimin bersama tujuh anggota

Balai, manakala Ahli PK diwakili oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu bersama tiga Ahli PK Kampung Belimbing.

Rondaan berkenaan bermula dari kawasan Kampung Ujong Bukit, Kampung Tamoi, Tumasek, kemudian ke kawasan Airport Lama, Tasek Lama, kawasan Kianggeh dan berakhir di kawasan Dermaga Diraja.

Tidak ada sebarang kegiatan yang mencurigai ditemukan sepanjang rondaan berkenaan dijalankan.

Sementara itu, Balai Polis

Tutong pula turut menjalankan operasi rondaan bersama PK Kampung Bukit Beruang, Tutong. Seramai tujuh anggota balai bersama tiga Ahli PK menjalankan rondaan pencegahan di persekitaran kawasan Rancangan Perumahan Negara Perpindahan Bukit Beruang.

Tidak ada sebarang kesalahan ditemukan. Walau bagaimanapun, usaha bagi meningkatkan program PK akan sentiasa dilaksanakan dengan sebaiknya. Sokongan dan penyertaan para penduduk kampung amat diharapkan dan digalakkan bagi sama-sama mendukung matlamat 'Bersama Masyarakat Mencegah Jenayah'.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

- 1) 'Hari Guru' - Tarikh Tutup : 27 Oktober 2018
- 2) 'Konvokesyen' - Tarikh Tutup : 10 November 2018
- 3) 'Makanan' - Tarikh Tutup : 24 November 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.




Pemerintah TLDB hadiri IFR 2018, WPNS Ke-16

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pertahanan

JEJU, REPUBLIK KOREA, Rabu, 17 Oktober. - Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad menghadiri International Fleet Review (IFR) 2018, berlangsung pada 11 hingga 15 Oktober lalu bersempena Ulang Tahun Ke-70 Angkatan Tentera Republik Korea di Jeju, Republik Korea.

Upacara utama IFR 2018 ialah The Pass-in-Review, di mana Presiden Republik Korea, Moon Jae-In berada di atas Kapal ROKS ILCHUBONG bagi menyaksikan pelayaran lalu dan memeriksa perbarisan kapal-kapal yang melibatkan 43 kapal laut dan 24 pesawat, daripada pelbagai negara di Selatan Pantai Pulau Jeju. Pemerintah TLDB dan isteri juga hadir di atas kapal berkenaan bersama dengan 20 Pemerintah Angkatan Laut dan 26 Ketua Delegasi.

Penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam The Pass-in-Review diwakili oleh KDB DARUTTAQWA. Upacara The Pass-in-Review diakhiri dengan Demonstrasi Terjun Payung Altitud Tinggi dan



PEMERINTAH Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad (depan, tiga dari kanan) bergambar ramai sejeurus menghadiri International Fleet Review (IFR) 2018 bersempena Ulang Tahun Ke-70 Angkatan Tentera Republik Korea di Jeju, Republik Korea.

Persembahan dari Pesawat F-16 dan F-15 sebelum ROKS ILCHUBONG memasuki pelabuhan.

Sementara itu, Pemerintah TLDB juga menghadiri Western Pacific Naval Symposium (WPNS) Ke-16 yang dihoskan oleh Tentera Laut Republik Korea (TLRK). WPNS yang berakhir pada 15 Oktober dianjurkan bersempena dengan IFR 2018 dengan tema 'Enhancing Maritime

Security Cooperation in the Western Pacific Region', di mana simposium bagi tahun ini dipengerusikan oleh Chief of Naval Operations (CNO) TLRK, Admiral Sim Seung-Seob dan dihadiri oleh Menteri Pertahanan Republik Korea, Jeong Kyueng-doo bersama dengan Pemerintah-pemerintah dan perwakilan Angkatan Laut daripada 46 negara.

WPNS pada tahun ini mencapai

peristiwa penting, di mana ahli-ahli bersetuju untuk menyokong Dokumen Disaster Response Operations Guide 2.0 yang memberikan garis panduan dan maklumat lengkap untuk tindak balas bencana dan aspek undang-undang sejajar dengan United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS). Ahli WPNS turut mengesahkan Code for Unplanned Encounters at Sea Steering Committee Terms of

Reference. Pada tahun ini, WPNS juga bersetuju dan menyambut Tentera Laut Ecuador dan Tentera Laut Sri Lanka sebagai pemerhati.

WPNS diadakan setiap dua tahun dan seterusnya akan dianjurkan di Republik Filipina pada tahun 2020. Sebagai persiapan pada simposium itu, TLDB akan menganjurkan Bengkel WPNS pada April 2019.

SUAMPRIPAD johan Pertandingan Mari Berpantun Kebangsaan



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohamed Jais bin Haji Abdul Rahman (dua, kanan) bergambar ramai bersama pemenang Pertandingan Mari Berpantun Kebangsaan Tahun 2018 dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (kiri). Sementara gambar kanan, suasana Pertandingan Akhir Mari Berpantun Kebangsaan yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Oktober. - Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD) dinobatkan sebagai johan Pertandingan Mari Berpantun Kebangsaan Tahun 2018 setelah menewaskan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali pada peringkat akhir yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Manakala tempat ketiga diraih oleh Sekolah Menengah Rimba. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang

Mohamed Jais bin Haji Abdul Rahman.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah bagi enam buah pertandingan yang telah dikendalikan oleh Unit Aqli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72.

Juara Pertandingan Membina Model 3D Peringkat Sekolah Rendah Senegara dimenangi oleh Sekolah Rendah St. John manakala Pertandingan Mengarang Pantun Peringkat Sekolah Rendah Senegara diraih oleh Md. Adi

Wajdi bin Haji Md. Juwaidi dari Sekolah Rendah Iqra.

Dalam Pertandingan Mencanting Batik Peringkat Sekolah-sekolah Menengah Senegara pula dijuarai oleh Awang Ihsan Sabri bin Maslini dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin dan Dayang Elsa Rania binti Haji Mohd. Hizam dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkihah menjuarai Pertandingan Mengarang Cerpen Sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara.

Bagi Pertandingan Lukisan Catan Peringkat Pusat Tingkatan Enam Senegara pula dimenangi oleh Dayang Nur Aneesah binti Ilham dari Pusat Tingkatan Enam Meragang manakala Pertandingan Menulis Sajak Peringkat Pusat Tingkatan Enam Senegara diraih

oleh Mohamad Noor Yasin bin Abdur Rahman dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Terdahulu, Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, majlis berkenaan merupakan gabungan bagi tujuh buah acara yang telah dikendalikan oleh Unit Aqli secara berasingan.

Pertandingan-pertandingan ini jelasnya diharap dapat membentuk bakat penulisan dan menjana pemikiran intelek dan kreatif para pelajar dalam penghasilan karya ilmu dan karya kreatif yang cerdas, efisien dan berilmu sekali gus akan dapat melahirkan pelapis kepada pengarang mapan masa kini.

Pertandingan ini dibukakan kepada pelajar-pelajar Sekolah

Menengah, Pusat Tingkatan Enam dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei.

Antara matlamat pertandingan ialah mengekalkan dan mengembangkan pantun serta seni berpantun sebagai khazanah seni warisan bangsa Melayu, di samping membuka ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar untuk bergiat aktif dalam memajukan industri seni kreatif negara.

Tujuan pertandingan pula adalah bagi membentuk pelajar yang mempunyai daya pemikiran yang tajam, teliti dan cepat bertindak, mendidik mereka agar mampu mengawal emosi dan tekanan, seterusnya dapat membina keyakinan dan berani dalam membuat dan memberi keputusan, kupasan, cadangan dan maksud bagi sesuatu perkara.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Awang Irwan Rino Nordin

Bermukun adat Melayu, tak lapuk ditelan zaman

ASAL USUL BERMUKUN

BERMUKUN merupakan salah satu tradisi warisan bangsa Melayu yang diturunkan dari zaman ke zaman. Bermukun merupakan hiburan kecil-kecilan yang dinyanyikan melalui pantun cara spontan diiringi dengan peralatan muzik tradisional seperti gendang, dombak, rabana, biola, akordian dan gong.

Majoriti masyarakat yang menghidupkan suasana bermukun pada satu ketika dahulu di Negara Brunei Darussalam ialah masyarakat Melayu Brunei khususnya yang tinggal di Kampong Ayer dan masyarakat Kedayan yang mana istilah bermukun di Brunei dipanggil Begandang.

Bermukun merupakan budaya orang Sarawak dan menjadi tradisi di Negara Brunei Darussalam bila mana ada majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, ulang tahun, pindah rumah, acara pentas dan sebagainya.

CARA MEMAINKAN MUKUN

Di Brunei, perempuan yang

bermukun dipanggil Pemukun Bini dan di Sarawak ia dipanggil Mak Gendang atau Sheh Gendang yang mana pukulan gendang hanya dimainkan oleh mereka sahaja. Manakala lelaki pula dikenali sebagai Pemukun Laki atau Penandak yang hanya berpantun.

Pemukun Bini akan duduk digelanggang mukun dan tempat duduk tersebut akan ditutup dengan tabir kain melintang yang bertujuan untuk dijadikan sebagai satu sempadan kepada Pemukun Laki supaya tidak menghampiri Pemukun Bini. Kain tersebut juga dijadikan untuk menutup keaiban Pemukun Bini supaya Pemukun Laki tidak nampak sesuatu perkara yang tidak diingini.

Salah satu elemen yang terdapat dalam bermukun ialah berjoget dan menari yang mana dipanggil sebagai benopeng atau betandak.

Berbagai-bagai alunan irama lagu mukun dipermainkan dengan dibalas bermacam-macam pantun terutama Pemantun Laki yang akan berpantun usik-mengusik dengan pantun berkasih sayang atau lawak jenaka.

ANTARA IRAMA / LAGU-LAGU MEMUKUN

Mukun Menyubuh, Kapal Belayar, Siti Rohani, Lagu Dua, Sayang Sarawak, Cinta Berahi, Laila Majenun dan Sitanggang merupakan beberapa buah lagu-lagu bermukun yang sering didendangkan.

Antara irama yang popular di Brunei ialah Lagu Dua dan Mukun Menyubuh tetapi pada zaman moden ini sudah berbagai-bagai irama telah dipermodenkan menurut perubahan arus dan juga permintaan ramai dan sekali gus ia bagi penarikan generasi belia.

BERMUKUN PADA MASA KINI

Berbicara tentang bermukun ini juga, penulis bagi Warisan kali ini sempat menemu bual dengan salah seorang pemukun tempatan kita iaitu Awang Irwan Rino bin Nordin yang merupakan salah seorang yang bergiat aktif dalam bermukun bukan sahaja di dalam negeri malah juga di luar negara.

Minat beliau dalam berpantun bermula pada tahun 1993 ketika

berumur 13 tahun semasa beliau masih lagi dibangku persekolahan di Sekolah Rendah Kuala Belait.

Pada akhir tahun 1993, Awang Irwan Rino dan beberapa orang pelajar Tahun 6 ketika itu telah membuat persembahan bermukun di sekolah mereka dan dari sana mula timbul minat beliau untuk bermukun.

Beliau mula bergerak aktif dalam bermukun pada tahun 2009 dan mencari ruang bagaimana untuk menaikkan lagi tradisi bermukun di Brunei supaya ia lebih dikenali. Bermula tahun 2012, beliau telah menyertai beberapa pertandingan mukun di luar negara dan sering kali menjuarai pertandingan-pertandingan yang disertai.

Bagi Awang Irwan Rino apa yang penting semasa membuat persembahan bermukun ialah peninggalan kesan memukun tersebut kepada orang ramai dan juga sentiasa menjaga kualiti dalam undangan.

Menyentuh tentang perancangan



AWANG Irwan Rino bin Nordin salah seorang Pemukun tempatan ketika ditemu bual Pelita Brunei tentang tradisi bermukun di Negara Brunei Darussalam.

akan datang, Awang Irwan Rino berhasrat untuk mengadakan bengkel bermukun di seluruh negara melalui mukim-mukim dan kampung-kampung, di samping mengadakan jerayawara budaya bermukun ke daerah-daerah dan apa yang paling penting di dalam usaha yang akan dijalankan ini adalah untuk mendedahkan bermukun kepada generasi baharu kita, iaitu para remaja dan belia.

Selain itu, beliau juga merancang untuk menubuhkan sebuah persatuan yang berdaftar iaitu Persatuan Budaya Mukun Brunei Darussalam yang mana akan dapat mengumpulkan peminat-peminat bermukun dan pemukun-pemukun dari seluruh negara.

Menerusi bermukun ini juga beliau berharap tradisi dan warisan bermukun akan dapat dikekalkan sampai bila-bila dan tidak akan lenyap ditelan zaman.



ANTARA alat yang digunakan untuk bermukun ialah biola, akordian, gendang dan gong.



KAIN rentang yang digunakan sebagai sempadan agar Pemukun Laki tidak menghampiri Pemukun Bini.



BERMUKUN yang diadakan bila mana ada majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, ulang tahun, pindah rumah, acara pentas dan sebagainya (kiri dan kanan).

Kenali Negara Kita

PADA siri kali ini, Pelita Brunei berkunjung ke Kampung Long Mayan, iaitu salah sebuah kampung di bawah tadahan Mukim Ukong.

Kampung Long Mayan berkeluasan 27km persegi dan jarak jauh dari Pekan Tutong ialah 30km. Kampung Long Mayan mempunyai keramaian penduduk sejumlah 319 orang iaitu 158 lelaki dan 161 perempuan dan ditadbir oleh Awang Md. Eddy Suffian bin Abdullah sejak 27 April 2004.

Daripada maklumat yang diberikan oleh Ketua Kampung berkenaan, Kampung Long Mayan berasal daripada sejenis pokok yang tumbuh antara hujung bukit dan aliran anak sungai yang juga dikenali sebagai 'ALONG' manakala pokok itu pula dikenali sebagai pokok 'KEMAYAN'

seperti mana yang diceritakan oleh orang-orang tua dahulu.

Kampung Long Mayan didiami oleh pelbagai etnik iaitu Dusun (283 orang); Cina (13 orang); Iban (3 orang); Melayu Brunei (19 orang) dan Murut (1 orang).

Prasarana

Kampung Long Mayan menerima kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya yang beraspal, bekalan api elektrik dan air bersih serta perkhidmatan telefon.

Terdapat sebuah balai raya bagi kemudahan orang-orang kampung mengadakan mesyuarat dan acara-acara kampung. Menurut Ketua Kampung Long Mayan lagi, balai raya tersebut akan dinaik taraf sepertimana di kampung-kampung yang lain selaras dengan keperluan semasa.

Di samping itu, Kampung Long Mayan juga mempunyai sebuah balai ibadat yang dikenali sebagai Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan berdekatan dengan balai raya dan Tamu Muafakat.

Perekonomian Kampung

Kampung Long Mayan terkenal dengan produk Umbut Luba yang merupakan salah satu produk utama 1 Kampung 1 Produk.

Penanaman Pokok Luba

Umbut Luba beri pulangan lumayan

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid

Foto : Jabatan Penerangan dan Ihsan MPK Long Mayan

dipelopori oleh Awang Satu bin Luin bermula pada tahun 1988. Pada 3 Disember 2010, Majlis Pelancaran Penanaman Pokok Luba disertai oleh 38 buah keluarga dirasmikan oleh mantan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhd Taha bin Abdul Rauf dengan penyerahan benih Pokok Luba untuk ditanam di setiap rumah peserta.

Menurut Awang Md. Eddy Suffian, pada masa ini Pokok Luba diusahakan oleh penduduk kampung di atas sebidang tanah yang diperuntukkan seluas 100 ekar.

Umbut Luba mempunyai keunikan tersendiri sebagai hidangan tradisi yang lazat dan sihat bukan sahaja menjadi kegemaran penduduk kampung berkenaan dan sekitarnya bahkan juga di daerah-daerah lain di negara ini. Harga dalam pasaran juga begitu menggalakkan yang mana ia dijual dengan harga BND5 sekilo. Umbut Luba sedap jika dimasak lemak cili padi, sedikit belacan sama ada dicampur dengan udang kering / udang hidup atau ikan masin.

Pada lazimnya, Pokok Luba ditebang dan diambil umbutnya selepas lima tahun ditanam. Sementara menunggu hasil Pokok Luba, penduduk kampung juga menyelitkan tanaman buah-buahan seperti Durian Kuning, Durian Pulu, Durian Putih dan lain-lain untuk menambahkan lagi pendapatan perekonomian penduduk kampung. Buah durian selalunya berbuah dua kali dalam setahun.

Umbut Luba dan pelbagai jenis durian dijual di Tamu Muafakat dan juga dihantar ke kedai-kedai di Kampung Lamunin dan menghasilkan pulangan lumayan kepada penduduk-penduduk kampung.

Tamu Muafakat Kampung Long Mayan

Tamu Muafakat Kampung Long Mayan mula diadakan sejak tahun 2001. Pada 3 Jun 2012 Tamu Muafakat Kampung Long Mayan mempunyai bangunan baharu yang kondusif dan memberikan keselesaan penduduk-penduduk kampung berniaga.

Seperti mana lazimnya Tamu Muafakat Kampung Long Mayan diadakan pada setiap Ahad pada minggu pertama setiap bulan atau tertakluk kepada keadaan.

Antara jualan di tamu tersebut seperti buah-buahan, sayur-sayuran, makanan, beras tempatan dan sebagainya. Mereka yang berkunjung bukan sahaja mereka yang tinggal di kampung-kampung yang berdekatan malahan juga dari daerah lain yang berhajat untuk membeli buah-buahan atau sayur-sayuran kampung.

Aktiviti-Aktiviti Kampung

Majlis Perundingan Kampung (MPK) Long Mayan bukan sahaja aktif mengendalikan aktiviti atau program-programnya sendiri malahan juga yang dianjurkan oleh agensi-agensi lain.

Kementerian Kesihatan juga mengadakan Taklimat Penyakit Untut dan diselenggarakan dengan pengambilan contoh-contoh darah sebagai langkah pencegahan. Dalam bidang keagamaan MPK berkenaan mengadakan



POKOK Luba ditebang dan diambil umbutnya selepas lima tahun ditanam.

Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung, mengadakan ceramah-ceramah agama khas sempena Maulidur Rasul, aktiviti-aktiviti keagamaan sepanjang bulan Ramadan seperti bertedurus dan seterusnya Majlis Khatam Al-Quran.

MPK ini juga pernah meraih beberapa kejayaan iaitu menduduki tempat kedua pertandingan nasyid, menjuarai pertandingan ayat-ayat lazim peringkat daerah dan negara dan sebagainya.

Di samping itu, para belia dan beliawanis Kampung Long Mayan juga tidak ketinggalan mengikuti pelbagai kursus bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran seperti Kursus Kepimpinan Belia Daerah Tutong serta menyertai Program Amal Belia-Belia Kampung Bukit dan Kampung Long Mayan ke Kampung Sukang.


Giat Memajukan Kampung

Pelbagai program berbentuk perekonomian kampung bagi

meningkatkan sara diri penduduk kampung, bidang keagamaan dan kemasyarakatan serta memperkasa belia dan beliawanis kampung berkenaan dilaksanakan menjadikan Kampung Long Mayan sebuah kampung yang seiring dengan kampung-kampung lain bergerak maju ke hadapan.

Sebagai menyahut dan menggalas tugas dan tanggungjawab Ahli MPK dalam memeduli penduduk kampung, MPK Long Mayan giat mengadakan per muzakarah dan perundingan dari semasa ke semasa sama ada dengan agensi kerajaan, swasta dan juga pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan bagi mempertingkatkan kesejahteraan, kebajikan dan menangani apa jua isu atau permasalahan penduduk kampung serta mengekalkan perpaduan, keharmonian, keselamatan dan mengelinka kebajikan golongan berkeperluan, anak-anak yatim dan warga emas.

PEKERJAAN



SECARA majoriti penduduk di Kampung Long Mayan bekerja sendiri dengan mengusahakan bidang pertanian, bersawah padi dan sebagainya.



ANTARA yang dijual di Tamu Muafakat Kampung Long Mayan (kiri), manakala gambar kanan, Umbut Luba yang merupakan salah satu produk utama 1 Kampung 1 Produk Kampung Long Mayan.

Jadual Tamu Muafakat Bagi Tahun 2018

BULAN	MINGGU 1	MINGGU 2	MINGGU 3	MINGGU 4
Januari	7 Januari 2018	-	-	-
Februari	-	11 Februari 2018	-	-
Mac	4 Mac 2018	-	-	-
April	-	8 April 2018	-	-
Mei	-	-	-	-
Jun	3 Jun 2018	-	-	-
Julai	1 Julai 2018	-	-	-
Ogos	-	-	-	-
September	2 September 2018	-	-	30 September 2018
Oktober	-	-	-	28 Oktober 2018
November	-	-	-	-
Disember	2 Disember 2018	-	-	30 Disember 2018

Penerima Bantuan

PENCEN	BANTUAN KEBAJIKAN	FAKIR MISKIN
Pencen Tua (27 orang)	10 orang	3 orang
Pencen Buta (1 orang)		
Pencen Gila (1 orang)		
Pencen Cacat Anggota (3 orang)		

Lapan wakili negara pada Program Startup Weekend Women APAC

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Oktober. - Delegasi seramai lapan orang dari Negara Brunei Darussalam hari ini berlepas ke Bali, Indonesia bagi mewakili negara pada Program Startup Weekend Women Asia Pacific (APAC).

Chai Roslin yang juga salah seorang Pemimpin Masyarakat (Community Leader) dari Pasukan Penyelenggaraan Wanita Brunei. Delegasi juga disertai oleh para pemimpin masyarakat yang lain iaitu Aziemah Daud dan Nazurah Noor serta pasukan pemenang Edisi Wanita Brunei iaitu

RE / ACT yang terdiri daripada Debbie Lim Keh Ying, Fatin Muzini, Nazurah Hamizah Md. Salleh, Shirley Siao Chen Sikun dan Ummy Syahirah Haji Yakob. Kumpulan RE / ACT pernah memenangi dalam pertandingan Startup Weekend Brunei Edition pada September 2018 lalu dan ianya merupakan platform dalam talian yang menghubungkan

perusahaan sosial, komuniti dan rakan kongsi yang sama. Mereka adalah pasukan Negara Brunei Darussalam yang pertama menyertai dan mengetengahkan idea tersebut bersama para pemenang Startup Weekend lain dari 17 Bandar di seluruh 12 negara APAC pada acara APAC Startup Weekend. Antara lain aktiviti program itu

termasuk bengkel, sesi huraian dan pembentangan akhir. Kegiatan pada hujung minggu bukan hanya untuk berkhidmat kepada pasukan yang menang tetapi juga kepada setiap pemimpin masyarakat negara lain yang akan membantu mereka dalam mengadakan acara Startup Weekend di negara masing-masing pada masa akan datang.

Majlis Jabatan Bandaran, BSB kelolakan Kempen Derma Darah

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Oktober. - Sebanyak 48 pain darah berjaya didermakan pada Kempen Derma Darah sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan (BSB) Ke-48 Tahun 2018, bertempat di Aras Bawah, Bangunan Jabatan Bandaran, BSB, di sini. Hadir ialah Pengerusi Lembaga Bandaran BSB, Awang Haji Ali bin Matyassin.

Kempen yang diselenggarakan oleh Majlis Jabatan Bandaran, BSB dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) tersebut antara lain bertujuan untuk menyumbang dan menambahkan simpanan stok darah di Hospital RIPAS.

Selain itu, ia juga merupakan salah satu amalan berkebajikan dan menanamkan sifat beramal jariah kerana menderma seunit darah boleh menyelamatkan nyawa dan diberikan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.



ANTARA yang turut mendermakan darah pada Kempen Derma Darah sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan (BSB) Ke-48 Tahun 2018.



DELEGASI seramai lapan orang dari Negara Brunei Darussalam berlepas ke Bali, Indonesia bagi mewakili negara pada Program Startup Weekend Women Asia Pacific (APAC).



MINDA

PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hormati Dan Harga Jasa Warga Emas'. Tarikh Tutup : 24 Oktober 2018
2. 'Berbudi Kepada Tanah Besar Hasilnya'. Tarikh Tutup : 31 Oktober 2018
3. 'Faedah Bekerja Sendiri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 7 November 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas,
 Bandar Seri Begawan, BB3510,
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi

BND75

Setiap Minggu

SMSSA adakan lawatan ke McDonald's Gadong

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Oktober. - Seramai 29 pelajar termasuk tiga guru dari Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA) dan seorang pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah mengadakan lawatan ke McDonald's Gadong pada Rabu, 17 Oktober lepas.

Rombongan disambut oleh Pengurus Pemasaran McDonald's Brunei, Dayang Noor Hafilah binti Md. Salleh dan seterusnya menyampaikan taklimat.

Dalam taklimat tersebut, beliau menyentuh mengenai sejarah McDonald's Brunei, latihan yang diberikan dan peluang pekerjaan,

selain menerangkan mengenai reka bentuk dan konsep cawangan-cawangan McDonald's Brunei.

Lawatan anjuran SMSSA tersebut juga diselitkan dengan sesi soalan jawab.

Tujuan lawatan adalah untuk memahami reka bentuk dan konsep yang digunakan oleh McDonald's Brunei agar para pelajar memahami kepentingan reka bentuk dan aplikasinya.

Ia juga untuk mengetahui kriteria, peluang latihan dan pekerjaan secara separuh dan sepenuh masa selepas pasca-menengah.

Sebelum mengakhiri lawatan,



ROMBONGAN seramai 29 pelajar termasuk tiga guru dari Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA) dan seorang pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke McDonald's Gadong.

Ketua Jabatan Design dan Technology SMSSA, Awang Md. Ridhwan bin Haji Md. Ruslan turut

menyampaikan Sijil Penghargaan dan Cenderamata kepada Pengurus Pemasaran McDonald's Brunei,

Dayang Noor Hafilah bagi pihak McDonald's Brunei sebagai tanda penghargaan.

Sukan

INFO SUKAN

JOHAN PIALA Sumbangsih Brunei DST 2017 ialah Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) selepas menewaskan Kelab Sukan Indera (Indera SC) dengan jaringan 2-1.

Gol-gol MS ABDB dijaringkan oleh Sld. Razmie bin Ramlli pada minit ke-63 dan ke-87. Manakala gol Indera SC dijaringkan menerusi sepakan penalti oleh pemain Indera SC, Awang Md. Asri bin Haji Aspar pada minit ke-18.



ePaper Pelita Brunei

Indera SC julang Piala Sumbangsih DST 2018



PENOLONG Pengurus Besar Komunikasi Korporat Kumpulan DST, Radin Sufri Radin Basiuni (kiri) semasa menyampaikan Piala Rebutan Piala Sumbangsih Brunei DST 2018 kepada Ketua Pasukan Indera SC setelah menjuarai Piala Sumbangsih DST 2018.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Oktober. - Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan Kelab Sukan Indera (Indera SC) sekali lagi berentap merebut Piala Sumbangsih DST 2018 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Namun nasib tidak menyebelahi MS ABDB pada perlawanan kali ini apabila tewas di genggaman Indera SC dengan jaringan 1 - 2.

Pada separuh masa pertama, Indera SC meraikan jaringan pertamanya yang hadir pada minit ke-39 menerusi sepakan Mohamed Zulkhairi Razali.

MS ABDB terpaksa melalui beberapa detik mendebarkan dan mencemaskan dengan serangan bertali arus Indera SC sebelum MS ABDB berjaya menjaringkan gol penyamaan pada minit ke-81 menerusi sepakan pemain MS

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

ABDB, 18181 SLD Md. Khairul Mee Mail.

Kedudukan seri 1-1 itu kekal sehingga tamat 90 minit perlawanan dengan tambahan masa kecederaan empat minit yang juga mengekalkan kedudukan.

Permainan diteruskan dengan tambahan masa 30 minit walaupun hujan reyai tidak berhenti dari awal perlawanan lagi sekaligus memberi peluang kepada Indera SC untuk membolosi gawang lawan dengan gol kemenangan yang dihasilkan oleh Amirul Hakeem Haji Kasim pada minit ke-107.

Dengan kejayaan merangkul Piala Sumbangsih Brunei DST 2018, Indera SC sudah merangkul empat piala sejak NFABD menganjurkan Musim Liga Bola Sepak Brunei pada 2013, iaitu Piala Liga Super DST 2013, Piala Liga Super DST 2014 dan Piala Sumbangsih DST 2015.

Sementara MS ABDB sudah merangkul tujuh piala iaitu Piala FA DST 2013; Piala Sumbangsih DST 2014; Piala FA DST 2014;

Piala FA DST 2015; Piala Liga Super DST 2015, Liga Super DST 2016 dan Piala Sumbangsih 2017.

Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat dan cenderahati kepada kedua-dua pasukan ialah Penolong Pengurus Besar Kumpulan Perhubungan Korporat DST, Awang Radin Sufri bin Radin Basiuni.

Menerima Piala Rebutan Piala Sumbangsih Brunei DST 2018 bagi pihak Indera SC ialah Ketua Pasukan, Hazwan Hamzah; Ketua Jurulatih, Darus Tanjong dan Pengurus Indera SC, Awang Rosdin Haji Abdul Aziz.

Juga hadir menyaksikan perlawanan tersebut ialah Pemangku Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Anak Md. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim; Penolong Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Pengarah Pertandingan NFABD; EXCO dan para pegawai NFABD serta pegawai dari DST.

NFABD memperkenalkan Sistem Pelesenan Kelab secara berperingkat

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Oktober. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (National Football Association of Brunei Darussalam - NFABD) pada musim Liga 2018 akan memperkenalkan Sistem Pelesenan Kelab secara berperingkat dan akan berkuat kuasa sepenuhnya pada tahun 2019 seperti yang dikehendaki AFC.

Dalam sistem ini, lima kriteria utama (Personnel & Administrative, Sporting, Infrastructure, Legal and Finance) akan diperkenalkan kepada kelab-kelab yang menyertai Liga Super dan Perdana Brunei DST di mana bagi membolehkan kelab-kelab ini menyertai kejohanan, kelab-kelab perlu memenuhi syarat-syarat yang disenaraikan dan diberi lesen oleh Lembaga Pelesenan Kelab.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Anak Md. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Penandatanganan Perjanjian Penajaan di antara Datastream Technology Sendirian Berhad (DST) dan NFABD bertempat di NFABD House, di sini.

Menerusi sistem itu jelasnya, setiap kelab akan menjadi lebih berdaya saing dan lebih bersistematik dalam pengurusan dan pentadbiran, di mana perkara ini akan memberi impak positif bukan sahaja dari segi mutu permainan setiap kelab, bahkan juga akan meningkatkan pembangunan bola sepak dalam semua peringkat umur serta para jurulatih dan pemain akan menjadi lebih terjaga dan terkawal.

Terdahulu sebelum itu, NFABD terangnya, menghargai sokongan berterusan DST bagi kejohanan bola sepak utama negara.

Ujarnya, NFABD selaku organisasi yang bertanggungjawab terhadap perkembangan serta kemajuan bola sepak dan futsal di negara ini akan sentiasa berusaha melakukan yang terbaik ke arah

kemajuan bola sepak dan futsal di negara ini.

Menandatangani bagi pihak NFABD ialah Pengiran Haji Aliudin bin Pengiran Haji Tajudin dan Pengiran Anak Md. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim manakala pihak DST pula diwakili oleh Ang Siok Tuan dan Awang Radin Sufri bin Radin Basiuni.

Hadir menyaksikan majlis penandatanganan perjanjian tersebut ialah Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Awang Sofian bin Mohammad Jani.

DST merupakan penaja bola sepak Brunei selama lebih 10 tahun dan bersetuju untuk menjadi penaja utama bagi Liga Super Brunei DST, Liga Perdana Brunei DST dan Piala Sumbangsih Brunei DST bagi tahun 2018.



MAJLIS Penandatanganan Perjanjian Penajaan di antara Datastream Technology Sendirian Berhad (DST) dan NFABD bertempat di NFABD House.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSANGKA BAIK PADA SETIAP PERKARA YANG BERLAKU

دتریتکن اوله جباتن لفرانجن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam